


**Jilid II
Bil. 43**



**Hari Rabu
31hb Oktober, 1984**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6185]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 [Ruangan 6224]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1985 [Ruangan 6224]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah)
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OOGIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).

Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).

- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).

- Yang Berhormat TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K., (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).

Yang Berhormat TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P.
(Balik Pulau).

- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 31hb Oktober, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed.

(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed tidak hadir).

SISTEM METER LETAK
KERETA—KUTIPAN
HASIL

2. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sejak Dewan Bandaraya menswastakan tempat-tempat letak kereta dan menggunakan sistem meter, berapakah hasil purata yang diperolehi dalam masa enam bulan yang lalu dan nyatakan adakah sistem ini menguntungkan sekiranya dibanding dengan sistem dahulu yang menggunakan atendan-atendan jaga kereta.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menswastakan peringkat pertama

sebanyak 1,799 petak letak kereta daripada 9,142 petak yang ada dengan kadar bayaran sebanyak \$556,000 setahun. Manakala peringkat kedua sebanyak 2,099 petak lagi yang sedang dalam proses menandatangani mendapat hasil sebanyak \$1.2 juta setahun.

Dijangka peringkat ketiga dan keempat akan ditender pada awal tahun 1985 dan dianggar mendapat hasil sebanyak \$2 juta. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga mendapat hasil daripada compound tempat letak kereta sebanyak \$1.9 juta setahun. Dengan itu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada keseluruhannya memperolehi hasil sebanyak \$5.6 juta setahun.

Jika mengikut sistem lama yang menggunakan atendan-atendan jaga, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memperolehi pendapatan sebanyak \$9 juta setahun termasuk compound. Dari pendapatan itu perbelanjaan mengurus sebanyak \$6 juta maka keuntungan kasar hanya \$3 juta setahun.

Dari maklumat di atas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menswastakan sebanyak 3,898 petak tempat letak kereta dengan pendapatan sebanyak \$1.756 juta. Di samping itu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dapat menempatkan kakitangan seramai 220 orang yang terdahulunya terlibat dengan 3,898 tempat letak kereta ke bahagian-bahagian lain yang memerlukan kakitangan tersebut.

Sungguhpun penyata akhir belum dapat disediakan, namun Kementerian Wilayah Persekutuan berpendapat penswastan akan menguntungkan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan bahawa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mendapat hasil daripada compound tempat letak kereta sebanyak \$1.9 juta setahun. Di sini suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai compound ini yang telah dikutip oleh pihak Dewan Bandaraya, macam mana compound ini digunakan sama ada compound yang telah dikutip akan disalurkan untuk membaiki tempat letak kereta ataupun menambah banyak lagi tempat letak kereta memandangkan bahawa masalah tempat letak kereta di Bandaraya Kuala Lumpur telah menjadi satu masalah yang amat rumit.

Di samping ini suka saya mendapat tahu sama ada pihak Kementerian berkenaan bercadang untuk membina bangunan bertingkat-tingkat sebagai satu cara untuk menambahkan tempat untuk membolehkan orang ramai meletak kereta mereka.

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: Tuan Yang di-Pertua, jumlah sebanyak \$1.9 juta setahun itu akan digunakan untuk kedua-dua maksud yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi: satu untuk membaiki tempat-tempat letak kereta yang sedia ada dan juga kita akan menambah tempat letak kereta di Wilayah Persekutuan.

Dalam penswastan letak-letak kereta kita memanglah memberi kepada pihak-pihak swasta mengurus tempat-tempat letak kereta tetapi kita tidak juga melupakan bahawa betapa banyak lagi yang perlu kita tambah tempat-tempat letak kereta di Wilayah

Persekutuan, memandangkan bahawa makin setahun makin bertambah kereta bukan sahaja kereta di Wilayah Persekutuan, bahkan juga kereta-kereta daripada luar Wilayah Persekutuan.

Menyentuh dengan soalan yang kedua sama ada Kementerian Wilayah Persekutuan bercadang untuk membina bangunan tinggi untuk menempatkan tempat-tempat letak kereta, kita memang dalam peringkat sekarang memikirkan membuat perancangan untuk masa-masa depan supaya dapat kita menampung keperluan yang berkereta untuk menempatkan kereta mereka masing-masing di Wilayah Persekutuan maka dengan itu Kementerian sentiasa mengkaji keperluan untuk mengadakan lebih banyak lagi tempat-tempat letak kereta.

Dalam pada ini Kementerian juga sedang mengkaji tempat-tempat letak kereta, cadangan-cadangan yang kita ada untuk diwastakan pada keseluruhannya.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE ITALI

3. Dato' Lee Boon Peng minta Perdana Menteri menyatakan mengenai lawatan beliau baru-baru ini ke Itali:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil supaya perdagangan antara kedua negara boleh ditambah;
- (b) apakah peluang-peluang ekonomi dan perdagangan yang akan dinikmati oleh kedua-dua negara; dan
- (c) adakah perbincangan yang telah dibuat dengan Kerajaan Itali akan memberi faedah seperti galakan perdagangan terus, pelaburan, projek-projek usahasama, peluang-peluang

latihan dan pemindahan teknologi.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, (a) dalam hubungan perdagangan dua hala kedua-dua pihak mengakui bahawa jumlah perdagangan antara Malaysia dengan Itali amatlah rendah dan perlu diperbaiki lagi. Oleh itu, antara langkah-langkah yang dicadang ialah menambahkan dagangan secara terus dan tidak melalui negara-negara ketiga. Di samping itu juga kedua-dua pihak berusaha memperbagaikan lagi barang-barang yang boleh didagang antara kedua-dua buah negara.

Pihak Malaysia kita ingin menambahkan barang-barang siap yang boleh dieksport ke Itali. Untuk tujuan ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membawa bersama-sama rombongannya sebilangan peniaga-peniaga Malaysia supaya dapat diadakan perbincangan-perbincangan mengenai perkara ini secara terus dengan peniaga-peniaga Itali.

Perbincangan-perbincangan yang telah diadakan adalah babak permulaan dan tindakan-tindakan susulan perlu dibuat oleh kedua-dua pihak untuk mencapai matlamat tersebut.

(b) Peluang-peluang ekonomi dan perdagangan memang wujud untuk dinikmati bersama oleh kedua-dua pihak. Oleh itu, terdapat beberapa syarikat dari Malaysia telah mengikat perjanjian dengan pihak berkenaan di Itali. Umpamanya Malaysia Overseas Investment Corporation (MOIC) telah menandatangani memorandum persefahaman dengan syarikat-syarikat Itali bagi maksud meningkatkan lagi hubungan ekonomi dan perdagangan yang melibatkan kerjasama dua hala dan juga melibatkan kedua-dua pihak di negara

ketiga terutama dengan negara-negara yang sedang membangun.

(c) Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengadakan perbincangan dengan pihak Kerajaan Itali dan juga dengan pihak swasta untuk kepentingan bersama. Beliau telah mempelawa usahawan-usahawan Itali untuk melabur di Malaysia. Mereka telah menunjukkan minat untuk melabur di negara kita dan juga ingin terus terlibat dalam projek-projek pembangunan di Malaysia.

Bidang latihan dan pemindahan teknologi telah dibincangkan juga. Itali sebagai sebuah negara yang maju sudah tentu dapat memberikan latihan dan mengambil langkah-langkah tertentu memindahkan teknologi ke Malaysia. Satu dari caranya ialah dengan meningkatkan usahasama terutama dalam bidang pelaburan di Malaysia.

Pada keseluruhannya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah berpuas hati dengan lawatan tersebut yang dianggap sangat berhasil bukan sahaja dari segi mengeratkan hubungan di antara Malaysia dengan Itali malah telah pun meningkatkan kerjasama dua hala untuk faedah bersama.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Mulia Menteri sama ada pihak kita akan meninjau berkenaan dengan industri kereta motor di Itali dan kalau ada, bagaimanakah keadaan industri kereta motor di negara itu dan adakah benar bahawa kita ada rancangan untuk mengadakan projek usahasama ataupun kerjasama dengan pihak industri motor Itali untuk mengeluarkan beberapa jenis komponen untuk industri kereta kita.

Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya difahamkan Yang Amat

Berhormat ada juga berbincang bersabit dengan termasuklah juga industri kereta motor iaitu membuat ataupun manufacturing of component parts, dengan izin, barangan-barangan untuk motokar.

Sepertimana kita faham teknologi Itali adalah tinggi dari segi membuat motokar. Sebagaimana kita tahu, Itali telah pun mengeluarkan banyak motokar-motokar yang begitu masyhur namanya seperti Raley, Alfa Romeo, Fiat dan sebagainya. Apa yang difahamkan juga Yang Amat Berhormat telah juga berbincang dengan cara membuat besi dengan menggunakan powdered metal. Ini satu perkara teknologi yang baru yang mana Itali begitu pandai dan begitu tinggi teknologinya. Jadi, dengan ringkasnya sukalah saya mengatakan kepada Dewan ini dari segi hendak membuat component parts juga boleh yang mana Itali bekerjasama dengan Malaysia mengadakan usahasama untuk membuat component parts motokar ini.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE AUSTRALIA

4. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Perdana Menteri menyatakan hasil lawatan beliau baru-baru ini ke Australia dan kepulauan Fiji dan apakah jenis bantuan yang akan diberikan oleh Malaysia kepada negara itu sedangkan Malaysia sendiri memerlukan bantuan orang lain dan sama ada Malaysia mampu memberi bantuan seperti itu.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Pasifik Selatan dalam bulan Ogos tahun ini adalah ke Papua New Guinea, Australia dan New Zealand. Yang Amat Berhormat tidak pergi ke Fiji pada kali ini kerana beliau telah pun melawat negara tersebut pada tahun 1982.

Lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Papua New Guinea adalah berkaitan dengan Mesyuarat Serantau Ketua-ketua Kerajaan Komanwel, dengan ringkasnya dalam bahasa Inggeris ialah CHOGRAM yang diadakan di sana pada tanggal 8hb Ogos, 1984.

Semasa berada di sana Perdana Menteri Papua New Guinea, Encik Michael Samore dan Yang Amat Berhormat sendiri telah mengambil kesempatan untuk menandatangani suatu perjanjian kerjasama teknik yang akan mewujudkan rangka bantuan kerjasama dalam bidang-bidang teknikal di antara kedua-dua buah negara.

Sebelum menandatangani perjanjian ini Malaysia sudah pun memberikan sedikit sebanyak bantuan kepada Papua New Guinea, kebanyakannya dalam bentuk latihan kepada pegawai-pegawai mereka di pusat-pusat latihan kita.

Perjanjian yang baru ditandatangani itu hanyalah bertujuan untuk merasmikan kerjasama dan bantuan yang hingga ini telah berjalan secara ad hoc dengan mewujudkan suatu rangka kerjasama yang lebih menyeluruh selain daripada kerjasama di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia.

Sebagaimana yang telah pun dijelaskan beberapa kali bahawa Program Kerjasama Teknik Malaysia telah ditubuhkan sebagai satu rancangan yang mewujudkan kerjasama teknik antara Malaysia dengan negara-negara yang sedang membangun, dengan izin, developing countries.

Patutlah diterangkan di sini bahawa Program Kerjasama Teknik Malaysia bukan berasaskan semata-mata atas keuntungan yang boleh diperolehi oleh negara kita, sebaliknya ia didorongkan oleh perasaan bahawa ianya adalah suatu kewajipan bagi

negara seperti Malaysia untuk membantu negara-negara yang mundur dan kurang kemampuan seperti negara-negara di Kepulauan Pasifik dan juga di kawasan sahel yang beragama Islam seperti Mali. Dari segi jangka panjang ianya akan memberi manfaat kepada Malaysia khususnya dalam peluang-peluang perniagaan, perdagangan dan sebagainya yang mana akan meningkatkan di rantau Pasifik Selatan ini dengan wujudnya pembangunan dan kestabilan serantau.

Seterusnya saya ingin menegaskan bahawa bantuan negara kita kepada negara-negara tersebut adalah sederhana dan ianya ditumpukan kepada bidang latihan dan teknikal yang mana kita mempunyai kemampuan dan kepakaran.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal bantuan Malaysia kepada dua buah negara, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri lawati ialah Australia dan New Zealand. Perkara ini tidak timbul. Tumpuan perbincangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan pemimpin-pemimpin Australia dan New Zealand adalah mengenai cara-cara memperbaiki ketidakseimbangan perdagangan di antara Malaysia dengan kedua-dua negara tersebut, meninjau kemungkinan meningkatkan hubungan ekonomi keseluruhannya dengan mereka dan juga cuba mendapatkan lebih banyak tempat-tempat belajar bagi pelajar-pelajar kita di kolej-kolej dan universiti-universiti di sana. Perbincangan juga telah diadakan mengenai isu-isu hubungan dua hala yang lain serta isu-isu kepentingan bersama serantau.

PEGAWAI/KAKITANGAN HOSPITAL—LAYANAN KEPADA PESAKIT

5. Tuan Abdul Rahman bin Suliman minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau sedar bahawa terdapat

kejadian kelalaian daripada beberapa orang pegawai perubatan atau kakitangan Kementerian dari segi layanan kepada pesakit-pesakit. Jika sedar—nyatakan jumlah bagi tahun 1983-1984:

- (a) (i) kejadian tersalah memberi ubat kepada pesakit-pesakit sehingga memudaratkan pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan;
- (ii) tertinggal sesuatu benda (bukan ubat) di dalam perut atau tempat-tempat lain setelah pembedahan selesai; dan
- (iii) kematian akibat kecuaiannya kakitangan hospital seperti lewat memberi rawatan dan tidak memperdulikan pesakit (sambil lewa) di dalam keadaan yang mendesak;
- (b) kematian bayi yang baru dilahirkan yang boleh diselamatkan tetapi kerana lalai tidak diselamatkan; dan
- (c) berapa ramaikah pegawai dan kakitangan perubatan yang telah dikenakan hukuman tatatertib disebabkan oleh kecuaiannya mereka.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, kami di Kementerian Kesihatan sedar terdapat beberapa tuduhan kejadian kelalaian oleh beberapa orang pegawai perubatan ataupun kakitangan Kementerian yang lainnya dari segi layanan kepada pesakit-pesakit.

Suka saya mengatakan di sini bahawa dalam tahun 1983 sahaja sejumlah 18,797,491 pesakit telah dirawat sebagai pesakit luar di hospital-hospital dan pusat-pusat kesihatan di bawah Kementerian

Kesihatan. Pada tahun itu juga sebanyak 201,491 kelahiran telah dijalankan di hospital-hospital Kerajaan. Terdapat juga, sejumlah 948,539 pesakit yang telah dimasukkan di hospital-hospital Kerajaan.

Daripada jumlah kes-kes yang begitu besar, kemungkinan berlakunya kesilapan adalah satu keadaan yang biasa. Tetapi, saya dapat mengatakan bahawa kejadian kesilapan itu adalah amat kecil dan jarang berlaku—tidak lebih daripada 3 atau 4 kes setahun. Ini menunjukkan tahap pengendalian pesakit yang tinggi dan harus dipuji, jika dibandingkan dengan negara-negara yang lebih maju sekali pun.

Kami di Kementerian sentiasa mendesak kepada kakitangan kita untuk berjaga-jaga dalam tugas mereka dan berikhtiar mempertingkatkan lagi mutu dan taraf perkhidmatan yang diberi. Tetapi kesilapan manusia adalah satu yang memang berlaku dalam keadaan-keadaan yang tertentu.

Kami juga menjalankan penyiasatan yang penuh terhadap semua aduan dan tuduhan yang diberi kepada kami dan di mana-mana perlu, berusaha memperketatkan dan membaiki sistem pengendalian pesakit-pesakit untuk mengelak kejadian-kejadian kesilapan sejauh mana yang boleh.

Di mana perlu, kami juga mengambil tindakan disiplin dan sebagainya terhadap pegawai-pegawai yang lalai dalam menjalankan tugas-tugas mereka. Bagi tahun 1983 dan sehingga bulan Ogos, 1984, tindakan yang sedemikian telah diambil ke atas 13 orang pegawai dan kakitangan hospital.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendengar Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab

berkenaan dengan beberapa banyak kes ataupun kerja-kerja yang dijalankan oleh pihak Pegawai Perubatan dan kakitangan perubatan, tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri belum lagi menjawab soalan saya iaitu berapakah kejadian yang sebenarnya berlaku akibat kelalaian daripada pihak kakitangan Kementerian Kesihatan.

Soalan kedua, saya ingin tahu berapakah ramai pegawai ataupun kakitangan Kementerian Kesihatan yang telah diambil tindakan tatatertib akibat daripada kelalaian seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi?

Soalan ketiga, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada suatu kejadian telah berlaku di kawasan saya sendiri di mana seorang bayi telah didapati dilahirkan di dalam tandas dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah keputusan ataupun perkara-perkara yang telah diperhatikan semasa kajian ataupun penyiasatan dibuat pada kejadian tersebut.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat tidak begitu dengar apa yang saya jawab tadi iaitu saya mengatakan bahawa tidak lebih dari 3 atau 4 kes setahun daripada jumlah besar pesakit yang kita mengendalikan setiap tahun dan saya telah katakan bahawa angka itu suatu bilangan yang amat kecil.

Saya telah juga mengatakan tadi dalam tahun 1983 sehingga bulan Ogos, 1984 terdapat seramai 13 orang pegawai telah diambil tindakan disiplin dan sebagainya.

Mengenai kes kelahiran bayi di dalam tandas yang disebutkan dari kawasan Ahli Yang Berhormat sendiri, saya memang sedar tentang kejadian itu dan kita amat kesali bahawa kejadian itu telah berlaku.

Suatu penyiasatan yang menyeluruh telah dijalankan di atas kejadian itu dan beberapa tindakan sedang disusuli pada masa ini untuk memperbetulkan keadaan yang berlaku itu.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan sedar bahawa kebanyakan kakitangan hospital, terutamanya Jururawat dan Penolong Jururawat berkelakuan kasar dalam melayani pesakit-pesakit yang menderita di rumah sakit dan keadaannya miskin. Kalau sedar, apakah yang telah dilakukan bagi memperbaiki keadaan ini dari semasa ke semasa.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, kita sentiasa mendengar tuduhan bahawa kakitangan yang tertentu telah kasar dalam sikap dan percakapan mereka dan sebagainya. Tetapi Kementerian hanya dapat mengambil tindakan yang perlu jika mendapat aduan yang khusus. Mereka semua pakai "name tag" pada masa ini dan kita harap orang ramai akan dapat memberi tahu kepada kita. Tetapi lebih penting daripada itu kita telah memasukkan dalam kursus-kursus latihan semua golongan kakitangan Kementerian beberapa "module" mengenai perhubungan awam dan sebagainya dan kita berharap ini akan membawa faedah dalam masa jangka panjang.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini mengenai kes di mana seorang bayi berumur dua atau tiga hari yang dua kali dihantar oleh ibubapanya ke Hospital Besar Segamat dan kedua-dua kali itu tidak dimasukkan ke hospital sungguhpun bayi itu benar-benar sakit. Kali kedua doktor yang berkenaan ada tolak kemasukannya dan selepas tiga-empat jam kali yang ketiga bayi itu tak

sampai setengah jam kemudian bayi itu meninggal dunia. Dan doktor itu pun ada mengatakan apabila bapanya ada bersungut, kalau bayi itu ada dimasukkan ke hospital dahulu mungkin tidak akan meninggal dunia. Tetapi doktor itu mengatakan, kalau masuk hospital pun mati. Saya percaya, Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar kes ini dan apakah tindakan sudah diambil.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, kes ini telah mendapat liputan yang luas dalam suratkhbar dan saya tidak ada apa-apa untuk menambah kepada apa yang telah diperkatakan itu. Kementerian masih belum menyelesaikan siasatan yang mendalam untuk mengambil tindakan yang perlu. Tetapi saya ingin tegaskan di sini bahawa daripada keterangan yang diberi kepada saya, ibubapa bayi itu telah membawa anak itu ke Hospital Segamat pada pukul 3.00 pagi dan dihantar balik, tetapi mereka datang semula sekali lagi ke hospital. Apabila anak itu dimasukkan ke dalam ward, malangnya anak itu telah mati. Jadi sebenarnya bukanlah dua-tiga kali seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat.

PEKERJA ASING INGIN KAHWIN RAKYAT MALAYSIA

6. **Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berkaitan dengan pekerja-pekerja asing yang bekerja dalam negara Malaysia adakah mereka itu dibenarkan berkahwin dengan rakyat negara kita sekiranya ada yang tersangkut dengan mana-mana rakyat Malaysia; jika dibenarkan maka apakah syarat-syaratnya dan jika tidak apakah sebab-sebabnya sekiranya mereka itu satu agama atau satu kaum yang sama; maka apakah tindakan jika ada yang berlaku dengan secara sulit.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri tidak mengenakan apa-apa syarat ke atas mana-mana pekerja asing mengenai perkahwinan semasa mereka bekerja di negara ini. Soal perkahwinan merupakan soal peribadi yang tidak dapat dicampuradukkan dengan penguatkuasaan undang-undang berhubung dengan keperluan warganegara asing untuk bekerja di negara ini. Sekiranya seorang warganegara asing berkahwin di negara ini sama ada dengan warganegara atau sebaliknya mereka adalah tertakluk kepada undang-undang yang berkuatkuasa di negara ini termasuklah Undang-undang Imigresen, Undang-undang Perkahwinan dan sebagainya.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri telah menjelaskan bahawasanya tidak ada apa-apa syarat yang tertentu, kemudian apakah pula sekiranya mereka mendapat anak. Adakah anak itu boleh ditasjilkan menjadi warganegara Malaysia dengan sendirinya ataupun bagaimana?

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat minta supaya soalan itu diulangi? Sila Yang Berhormat.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa warganegara asing yang bertugas atau bekerja dalam negara kita, mereka tidak dikenakan sebagai apa syarat pun untuk hendak berkahwin di sini, melainkan syarat di Imigresen dan sebagainya. Sekiranya mereka berada di sini, berkahwinlah dengan seorang wanita atau gadis di negara kita, maka dengan dapat anaklah, ghalibnya dapat anaklah kalau tidak mandul. Maka anaknya itu dengan sendiri jadi warganegara Malaysia ataupun bagaimana?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab dengan pendeknya, anak itu tidak menjadi warganegara secara otomatis tetapi ia layak memohon untuk menjadi warganegara. Seperti juga bapanya ataupun sebaliknya jika seorang itu berkahwin dengan seorang lelaki warganegara Malaysia anaknya mengikut segi undang-undang secara otomatis menjadi warganegara Malaysia. Tetapi ibunya itu perlulah memohon untuk menjadi warganegara.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Timbalan Menteri. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengubah peraturan atau undang-undang yang mengenakan syarat bahawa di sebelah bapa yang asal menjadi warganegara ini sahaja yang diberi secara otomatis anaknya menjadi warganegara di sini, sedangkan ada kejadian-kejadian dan banyak berlaku kejadian di mana warganegara-warganegara asing yang kahwin dengan rakyat Malaysia dan mendapat anak di sini dan mereka terpaksa menjual harta emak mereka kerana mereka tidak dapat menerima harta pusaka di sebelah emak mereka kerana mereka tidak menjadi rakyat negeri ini. Jadi, ini masalah-masalah yang timbul berhubung dengan Kerajaan hanya mengakui bahawa di sebelah bapanya sahaja dengan secara otomatis menjadi warganegara di sini.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat? Soalnya?

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Adakah Kerajaan bercadang untuk mengubah undang-undang?

Timbalan Yang di-Pertua: Itu soalnya? Terima kasih.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, buat sementara waktu Kerajaan tidak ada cadangan hendak mengubah undang-undang itu

sebab ini merupakan undang-undang yang dilaksanakan di negara-negara lain, dengan lain perkataan ianya mengikut undang-undang antarabangsa.

PELAJAR-PELAJAR ANTI-NASIONAL

7. Dato' Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar bahawa penuntut dan pelajar-pelajar kita dalam negeri dan di luar negeri banyak yang telah terpengaruh dengan semangat anti-nasional dan ajaran agama yang sempit. Jika sedar, apakah langkah-langkah yang sedang diambil.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar adanya laporan yang mengatakan terdapat sebilangan kecil pelajar-pelajar, guru-guru serta pensyarah-pensyarah yang terpengaruh dengan semangat anti nasional dan ajaran agama yang sempit. Kementerian Pelajaran dengan pihak berkuasa universiti-universiti sentiasa memberi perhatian yang sewajarnya agar keadaan sentiasa terkawal. Jika ada di antara mereka yang terbukti kesalahannya tindakan tertentu akan diambil mengikut peraturan-peraturan yang sedia ada.

Mengenai pelajar-pelajar di luar negeri, Kerajaan telah mengarahkan Jabatan Penuntut Malaysia serta menghantar pegawai-pegawai Kerajaan melawat ke negara-negara berkenaan untuk mengadakan ceramah, forum, dialog dan mengedarkan risalah-risalah agama dan menerangkan dasar-dasar Kerajaan kepada pelajar-pelajar kita. Di samping itu, sebelum pelajar-pelajar ini bertolak ke luar negeri, mereka diberi kursus orientasi dan pelajar yang balik bercuti pula diberi kursus reorientasi. Namun begitu, jika ada juga pelajar-pelajar ini yang

terbukti kesalahannya Kerajaan akan menarik balik biasiswa mereka.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri Pelajaran sedar bahawa kanak-kanak apabila balik daripada sekolah, sekolah-sekolah itu terutama sekolah menengah bahawa menyatakan pihak guru-guru telah menuduh berbagai keburukan Kerajaan di negara ini?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya sebutkan tadi, Kerajaan sedar adanya laporan seperti ini. Dan saya pun telah menyebutkan di Dewan yang mulia ini semasa menjawab soalan salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat bahawa laporan yang rasmi belum lagi diterima oleh pihak Kementerian. Namun demikian, berasaskan kepada laporan-laporan yang saya sebutkan tadi kita sentiasa berusaha untuk menentukan keadaan ini sentiasa terkawal dan ianya tidak akan merebak mengakibatkan bahawa kedudukan pelajar-pelajar dan sebagainya akan tidak terkawal.

JEMAAH HAJI KE MEKKAH

8. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramaiakah Rakyat Malaysia yang menunaikan Fardhu Haji ke Mekkah melalui Tabung Haji dan Persendirian daripada seramai 24,749 Jemaah Haji Malaysia yang menunaikan Fardhu Haji tahun 1984 ini. Dengan bilangan yang begitu ramai adalah di luar kemampuan LUTH untuk menguruskan Jemaah Haji, terutama semasa berada di Mekkah dan Madinah. Apakah Kerajaan bercadang membenarkan Kedutaan Arab Saudi mengeluarkan Visa kepada bakal haji persendirian yang berkemampuan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, daripada 24,749 orang jemaah haji Malaysia yang menunaikan Fardhu Haji tahun ini, seramai 1,270 orang ataupun 5% telah pergi dengan cara persendirian. Jumlah itu adalah termasuk warganegara Malaysia serta penuntut-penuntut yang menunaikan Fardhu Haji daripada luar negeri yang terus ke Jeddah dari tempat masing-masing. Tabung Haji mampu menguruskan jemaah haji sejumlah itu dan adalah menjadi tujuan Kerajaan hendak mengendalikan semua jemaah haji dalam negeri pergi melalui Tabung Haji supaya dapat dikawal kebajikan, kesihatan serta keselamatan mereka.

Ingin saya memaklumkan iaitu persetujuan telah dicapai di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Arab Saudi supaya Visa Haji tidak dikeluarkan kepada bakal-bakal haji persendirian.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, apakah Kerajaan cuba hendak mengkaji semula tentang pemberian Visa kepada bakal haji persendirian yang berkemampuan untuk pergi ke Mekkah supaya mengelak daripada mereka ini mengambil Visa haji di negara-negara jiran seperti Singapura ataupun Thailand yang ini sudah tentu akan merumitkan rakyat kita juga.

Yang kedua, akan bertambah ramai bakal-bakal haji yang akan dihantar pulang kerana kita tidak memberi Visa. Ini disebabkan ramai

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan yang kedua Yang Berhormat?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Ramai jemaah haji yang pergi ke sana pada musim tiga, empat bulan sebelum Haji iaitu menggunakan Visa Umrah, mereka ini akan ditangkap. Jadi, kalau dengan mengkaji semula Visa ini sudah tentu

tidak akan berlaku jemaah haji yang pergi tetapi tidak dapat menunaikan haji.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan yang kedua Yang Berhormat?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Itulah

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak ada soalan yang kedua?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tidak ada, soalan yang pertamalah (*Ketawa*).

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tidak mengapa, Tuan Yang di-Pertua, ini fesyen dia bertanya. Mengenai visa kita juga telah minta kerjasama daripada Kerajaan Saudi supaya Kedutaan-kedutaan Saudi di negara-negara jiran juga tidak mengeluarkan Visa-visa Haji kepada jemaah daripada Malaysia bersendirian dan ini termasuklah Kedutaan Saudi di Singapura, di Bangkok mahupun di negara-negara jiran yang lain. Walau bagaimanapun, mengenai ramai orang yang sudah ada di sini dan mereka yang mampu, kata Yang Berhormat tadi untuk pergi secara persendirian, sebenarnya saya telah menjawab pada satu ketika bahawa sekiranya terdapat kebenaran bertulis daripada Menteri yang bertanggungjawab mengenai hal haji ini dan jika didapati ada sebab-sebab tertentu dan juga penjelasan yang dapat diterima ini boleh dipertimbangkan.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, apakah kesahnya dengan cadangan daripada bekas Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dahulu yang pernah menyarankan supaya pihak Tabung Haji menurunkan harga tambang jemaah haji ke Mekkah. Dan saya ingin juga tahu, apakah benar dengan perbelanjaan sebanyak \$4,500 sudah mencukupi untuk jemaah haji

berbelanja dalam masa menunaikan Fardhu Haji ke Makkah, tidak sebagaimana pihak Tabung Haji yang menghadkan \$5,000 dan meminta jemaah haji menambahkan lagi wang saku \$1,000.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, masalah perbelanjaan keseluruhan seperti yang dikenakan oleh Tabung Haji bergantung kepada faktor kenaikan harga, bayaran-bayaran yang dikenakan oleh pihak yang berkuasa di Saudi Arabia dan juga pihak-pihak yang mengendalikan urusan haji di Saudi sendiri. Dan selian daripada itu satu faktor lain ialah kos tambang pergi balik. Dari segi Tabung Haji terpaksa mengira jemaah-jemaah yang charter kapalterbang melalui MAS—terpaksa charter kapalterbang—pergi menghantar dan balik kosong. Walau bagaimanapun, saya hendak katakan perbelanjaan yang dikenakan itu sudah mengambil kira semua kos yang bersabit dan saya hendak katakan di sini selepas ditimbang oleh Lembaga Jemaah Haji kos ini tidak dapat diturunkan seperti yang dikatakan. Cuma yang kita mengharapkan pada tahun depan kos ini tidak akan dinaikkan, ini yang kita akan kajikan sekiranya dapat kita kajikan.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Tuan Yang di-Pertua, masalah kita berunding dengan Kerajaan Saudi untuk menyekat mereka daripada memberi visa kepada jemaah haji kita melalui Singapura dan sebagainya, bukankah ini satu tindakan campur tangan dalam urusan negeri lain disamping ia juga timbul masalah menyekat kebebasan beribadat bagi setengah-tengah bakal haji kita?

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin menyatakan bahawa sekatan sebenar telah dibuat oleh kerana dari segi urusan sekiranya terdapat sebab-sebab

tertentu kita masih membenarkan bahkan pada tahun ini terdapat dua kumpulan yang pergi secara tersendiri. Tetapi saya tidak bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat oleh kerana kita ada rundingan maka seolah-olah kita mencampur tangan hal ehwal Kerajaan Saudi. Mereka pun hendak kita mengawal pengurusan jemaah kita supaya nanti tidak ada kumpulan-kumpulan yang pergi di sana hendak berpolitik, mencetuskan huru hara dan sebagainya yang dapat membantu mereka juga dan ini memang pernah berlaku, bukannya perkara yang kita katakan sahaja. Oleh hal itu, saya rasa bukan sahaja kita awasi, tetapi pihak Saudi juga sebenarnya merasa sukacita oleh kerana melalui kawalan ini terdapatlah jemaah yang betul-betul pergi ke Tanah Suci hendak naik haji dan bukannya hendak membawa elemen politik sini ke sana dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi, kawalan itu tidak merupakan campur tanganlah, Yang Berhormat?

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tidak ada, ini kerjasama sebenarnya.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat

INDUSTRI DI KAWASAN DESA—GALAKAN

9. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa dalam usaha menggalakan pertumbuhan industri di kawasan-kawasan desa, berbagai-bagai isu dasar perlu diselesaikan seperti dasar percutaian, dasar tenaga dan beberapa peraturan yang bersabit dengan beberapa akta seperti Akta Perancang Bandar dan Desa dan Akta Kerajaan Tempatan tidak menolong bagi mempercepatkan proses perkembangan industri di luar bandar.

Jika sedar, apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi mengatasi masalah-masalah tersebut.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menyedari tentang beberapa masalah yang dihadapi oleh pelabur-pelabur sekiranya projek mereka ditempatkan di kawasan desa terutamanya dari segi kos pengeluaran yang lebih tinggi berbanding dengan projek-projek seumpama yang terletak di kawasan maju. Kerajaan dengan ini telahpun mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan beban kos tambahan ini.

Di antara langkah-langkah utama yang telah diambil ialah memberi pertimbangan istimewa dari segi galakan pelaburan bagi projek-projek yang akan ditempatkan di kawasan-kawasan desa. Setengah-setengah projek yang biasanya tidak dipertimbangkan untuk sebarang galakan pelaburan akan diberikan pertimbangan sekiranya ditempatkan di kawasan-kawasan desa. Galakan Tempat Kedudukan telah juga diperkenalkan untuk tujuan ini di mana projek-projek yang ditempatkan di kawasan-kawasan kurang maju yang telah diwartakan sebagai Kawasan Galakan Tempat Kedudukan akan menikmati tempoh pengecualian cukai yang lebih iaitu daripada 5 hingga 10 tahun. Bagi projek-projek yang diberikan galakan Taraf Perintis dan Galakan Pelepasan Penggunaan Buruh pula tambahan satu tahun lagi diberikan jika projek-projek mereka ditempatkan di kawasan kurang maju yang diiktirafkan sebagai Kawasan Pembangunan. Seterusnya untuk projek-projek yang diluluskan dengan Kredit Cukai Pelaburan bagi penempatan di kawasan Pembangunan ini tambahan 5%

Kredit Cukai Pelaburan akan diberikan.

Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan kawasan-kawasan perindustrian di kawasan-kawasan desa. Kerajaan akan terus menentukan supaya kawasan-kawasan perindustrian ini mempunyai kemudahan-kemudahan asas seperti air, tenaga, telefon dan lain-lain yang penting untuk keperluan industri-industri.

Bersabit dengan isu gunatenaga, Ahli Yang Berhormat mungkin sedia maklum bahawa kekurangan kemahiran terdapat bukan sahaja di kawasan-kawasan desa bahkan di kawasan-kawasan maju juga. Kerajaan menyedari tentang kekurangan ini dan tindakan sewajarnya sedang diambil untuk mengatasinya. Sektor swasta juga digalakkan untuk memberi latihan kepada pekerja-pekerja bagi mengatasi kekurangan kemahiran tenaga tersebut misalnya Kerajaan baru-baru ini telah memperkenalkan galakan di mana bangunan-bangunan untuk latihan adalah layak untuk mendapat Elaun Bangunan Perindustrian yang mengandungi elaun permulaan sebanyak 10% dan elaun tambahan sebanyak 2%. Selain dari itu, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mempunyai program-program penubuhan kilang-kilang bimbingan untuk membantu perusahaan-perusahaan kecil yang kurang atau tidak mempunyai kemahiran atau pengetahuan untuk dijalankan perusahaan mereka dengan cekap.

Mengenai peraturan-peraturan yang ada di bawah Akta Kerajaan Tempatan dan Akta Perancang Bandar dan Desa sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, pada masa ini tidaklah saya fikir bertujuan untuk menyekat perkembangan perindustrian di luar

bandar. Peraturan-peraturan yang bersabit dengan Akta Kerajaan Tempatan pada masa ini ialah Undang-undang Kecil Pelesenan, Tred, Perniagaan dan Perindustrian yang diwujudkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Peraturan ini selain daripada mengenakan lesen ke atas aktiviti tred, perniagaan dan perindustrian adalah bertujuan untuk memastikan bahawa industri-industri yang dilesen adalah memenuhi peraturan-peraturan yang tidak mengganggu ketenteraman awam dan dengan cara itu juga dapat mengawal pertumbuhan bandar-bandar dan desa.

Tujuan Akta tersebut serta peraturan-peraturan yang dikenakan, diadakan sama ada melibatkan percukaian, tenaga, perancangan bandar dan desa ataupun Kerajaan Tempatan bukanlah untuk menghalang pertumbuhan industri di kawasan-kawasan desa. Kementerian saya bersedia untuk membincangkan dengan agensi-agensi Kerajaan yang terlibat yang melaksanakan manamana Akta serta peraturan yang dianggap tidak selaras dengan pembangunan sektor perindustrian.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah menerangkan salah satu kaedah untuk mengatasi masalah gunatenaga di sektor industri ini ialah selain daripada usaha-usaha Kerajaan, Kerajaan juga telah menggalakkan sektor swasta untuk melibatkan diri ataupun memainkan peranan bagi melatih pekerja-pekerja. Soalan saya, setakat ini bagaimanakah sambutan yang telah diberi oleh pihak swasta, jika dinisbahkan dari segi kadar berapa peratuskah pihak swasta-swasta yang telah memberi sambutan dan berapa peratus yang masih dalam proses dan yang langsung tidak memberi apa-apa sambutan? Dan kepada pihak swasta

yang tidak langsung memberi sambutan bagi menerima seruan Kerajaan ini, apakah langkah-langkah yang positif patut diambil supaya mereka juga sama-sama memberikan sumbangan bagi pembangunan industri di negara kita?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd.

Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberikan angka-angka dan peratusan-peratusan yang tepat sebagaimana yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu tetapi saya ingin menyatakan bahawa semenjak kita menawarkan galakan-galakan sebagaimana yang saya sebutkan tadi, memang sudah terdapat syarikat-syarikat yang respond kepada tawaran-tawaran itu untuk mendapat kemudahan elaun dan sebagainya. Dan terdapat juga syarikat-syarikat yang telah pun menyediakan skim-skim latihan "in-service" di dalam pengurusan dan juga dalam bidang-bidang teknikal supaya lebih banyak lagi pekerja-pekerja tempatan itu diberikan kemahiran-kemahiran yang diperlukan.

Selain daripada itu kita juga telah menegaskan Kesatuan Pengilang Malaysia untuk mempelupori cadangan Kerajaan supaya diadakan tabung di mana tabung dapat digunakan sebagai satu skim bagi meningkatkan keupayaan dan juga kecekapan di dalam bidang sektor swasta. Tetapi setakat ini sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat adalah benar response daripada syarikat-syarikat tersebut adalah kurang memuaskan dan sebab itu kita sentiasa menegaskan bahawa sekiranya sektor perindustrian dan sektor swasta ini hendak ditingkatkan prestasinya maka perlu sektor swasta terutamanya di samping Kerajaan berusaha untuk mengadakan kemudahan-kemudahan latihan yang lebih lengkap dan juga menyediakan peluang-peluang kemahiran yang lebih

luas kepada pekerja-pekerja mereka supaya matlamat kita untuk membangunkan negara dalam sektor itu akan mencapai kejayaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Dr Hee Tien Lai.

(Soalan No. 10 Y.B. Datuk Dr Hee Tien Lai tidak hadir).

MAS—OPERASI KE AMERIKA SYARIKAT

11. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah masalah yang dihadapi oleh Sistem Penerbangan Malaysia dalam memperluaskan operasinya ke Amerika Syarikat dan apakah langkah yang Kerajaan akan ambil untuk mengatasi masalah ini supaya penerbangan kita boleh beroperasi ke negara tersebut nanti dan apakah langkah yang terbaru yang diambil oleh Kerajaan untuk membantu MAS mendapat penerbangan tambahan ke London.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahman binti Othman): Atas kesediaan Kerajaan, Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) telah membuat rancangan untuk memperluaskan rangkaian perkhidmatannya ke Amerika Syarikat. Rancangan ini melibatkan pelaksanaan perkhidmatan tersebut dalam dua peringkat.

Bagi peringkat pertama, MAS bercadang mengadakan operasi bersama dengan sebuah syarikat penerbangan Amerika Syarikat iaitu North-West Airlines. Operasi bersama ini adalah perlu diadakan pada peringkat permulaan ini kerana permintaan trafik pada masa ini untuk sektor tersebut belum lagi begitu maju untuk menjadikan perkhidmatan bersendirian oleh MAS operasi yang viable.

Dengan mengadakan operasi bersama ini, MAS akan dapat mengadakan perkhidmatan ke Amerika Syarikat dengan lebih awal lagi daripada rancangan perkhidmatan bersendirian kerana buat masa ini MAS tidak mempunyai kemudahan pesawat yang mencukupi dan juga tidak mempunyai hak trafik berkenaan daripada Amerika Syarikat. Pihak Amerika Syarikat bagaimanapun telah bersetuju membenarkan MAS dan North-West mengadakan operasi bersama tersebut di antara Kuala Lumpur dan San Francisco melalui Tokyo.

Sungguhpun demikian, pelaksanaan operasi bersama MAS/North-West ini telah tergendala kerana Malaysia telah tidak mendapat persetujuan pihak Jepun. Masalah dengan pihak Jepun ini bagaimanapun telah dapat diselesaikan oleh kedua-dua Perdana Menteri berkenaan baru-baru ini yang telah mengadakan perjumpaan di Tokyo, di mana telah dipersetujui bahawa perkhidmatan MAS ke Amerika Syarikat itu akan diadakan secara tripartite, iaitu melibatkan tiga pihak—MAS, North-West dan Japan Airlines.

Pada masa ini butir-butir aturan tersebut sedang dibincangkan dan diaturkan oleh pihak-pihak tertentu dan sekiranya pihak Amerika Syarikat bersetuju dengannya, maka perkhidmatan tersebut dijangka akan dapat dimulakan pada awal bulan April, 1985.

Bagi peringkat kedua pula, MAS akan merancang mengadakan operasi bersendirian ke Amerika Syarikat. Pelaksanaan operasi ini bagaimanapun akan tertakluk kepada persetujuan pihak Amerika Syarikat memberi MAS jadual jalan serta hak-hak trafik yang diperlukan untuk menjadikan perkhidmatan MAS itu viable. Perkara ini masih lagi dirundingkan di antara kedua belah pihak dan

Kerajaan akan terus berusaha untuk mendapatkan hak-hak trafik yang diperlukan itu. Setakat ini dua perbincangan rasmi telah diadakan di antara Kerajaan Malaysia dan Jepun iaitu pada 24hb hingga 25hb November, 1983 dan 5hb hingga 7hb April, 1984.

Berhubung dengan penerbangan tambahan ke London, Yang Berhormat Menteri telah pun memaklumkan kepada Dewan ini semasa menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Ahli dari Mantin pada 11hb Oktober, 1984 yang lalu. Yang Berhormat Menteri telah menerangkan bahawa kegagalan mendapat persetujuan pihak British ke atas permintaan penerbangan tambahan MAS ke London itu, adalah kerana pihak British telah enggan

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri telah terangkan pada hari tersebut. Saya rasa Ahli Yang Berhormat itu boleh baca catatan mesyuarat pada hari itu.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Sudah pun disebutkan, Tuan Yang di-Pertua.

BIASISWA KEPADA PELAJAR DI LUAR NEGERI

12. Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pelajar-pelajar kita yang menuntut di luar-luar negeri lambat menerima biasiswa dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Adakah biasiswa tersebut dihantar melalui Jabatan-jabatan Penuntut Luar Negeri atau dihantar terus kepada penuntut-penuntut berkenaan.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, pembayaran biasiswa sama ada untuk pelajar-pelajar tajaan Jabatan Perkhidmatan

Awam, Kementerian Pelajaran Malaysia dan lain-lain kecuali beberapa badan tertentu seperti MARA dan PETRONAS adalah disalurkan melalui Jabatan-jabatan Penuntut Malaysia di luar negeri dan tidak dibayar terus kepada pelajar-pelajar tersebut.

Mengikut rekod JPA (Jabatan Perkhidmatan Awam), sekiranya berlaku kelewatan ianya adalah berpunca daripada akibat pertukaran alamat-alamat yang tidak diketahui oleh Jabatan-jabatan Penuntut. Hal ini telah merumitkan pembayaran yang dimaksudkan kerana cek-cek biasiswa tidak sampai ke tangan pelajar tersebut.

MINYAK—PENGELUARAN PURATA HARIAN

13. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri memberitahu kadar pengeluaran purata harian minyak, sebab-sebab dasar memelihara simpanan-simpanan minyak diubah yakni "the turnout in policy to conserve oil reserves" serta menyedari bahawa perihal mempercepatkan hari di mana negara kita akan menjadi pengimport bersih minyak akan meletakkan beban yang tidak adil ke atas generasi akan datang.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, kadar pengeluaran purata harian minyak mentah negara bagi tempoh 8 bulan pertama tahun ini ialah 454,000 tong sehari. Walau bagaimanapun, kadar pengeluaran purata bagi keseluruhan tahun 1984 adalah dijangka berjumlah 440,000 tong sehari, iaitu 15% lebih tinggi daripada kadar purata bagi tahun 1983 yang berjumlah 381,000 tong sehari.

Pencapaian kadar pengeluaran yang lebih tinggi ini adalah disebabkan oleh bermulanya operasi pengeluaran

lapangan-lapangan minyak yang baru seperti Irong Barat, Semangkok, Kepong dan Bayan dalam tahun-tahun 1983 dan 1984, dan bukanlah oleh kerana mengeneipkan Dasar Susutan Minyak Negara. Dasar tersebut masih lagi dilaksanakan seperti yang saya telah tegaskan pada Dewan yang mulia ini pada minggu yang lalu.

SISTEM PENYEWAAN TANAH

14. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah langkah-langkah Kementeriannya mempunyai untuk menghapuskan sistem penyewaan tanah serta memperkenalkan dasar "tanah untuk si pengusaha" atau "land to the tiller policy".

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, mengikut sistem penyewaan tanah padi yang dikuatkuasakan di bawah Akta Penanam Padi (Mengawal Sewa dan Menjamin Pemegangan) Bil. 43/1967 di beberapa buah negeri sehingga ini sebanyak 13,905 perjanjian sewa telah didaftarkan.

Langkah untuk menghapuskan sistem penyewaan itu tidak berbangkit memandangkan kepada perubahan yang sedang berlaku dalam perusahaan padi di mana didapati banyak tanah-tanah padi yang terbiar dan pemulihannya terpaksa dilakukan dengan secara pengurusan estet ataupun dengan secara pengswastan seperti yang telah dilakuan di negeri Kelantan.

Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telah mengkaji dengan lebih mendalam lagi Akta Padi itu supaya pelaksanaannya akan menjadi lebih berkesan dan memuaskan kepada semua pihak. Soal memperkenalkan dasar "tanah untuk

si pengguna" atau "land to the tiller policy" tidak timbul kerana banyak tanah-tanah padi yang terbiar yang boleh diperolehi untuk disewa dan diusahakan. Misalnya berikut adalah tanah-tanah padi yang terbiar di negeri-negeri yang berkenaan:

<i>Negeri</i>	<i>Tanah Padi Yang Terbiar</i>
Kedah	10,760 ekar
Pulau Pinang	13,919 ..
Perak	22,305 ..
Selangor	3,527 ..
Kelantan	49,444 ..
Terengganu	17,367 ..
Pahang	24,684 ..
Negeri Sembilan	23,164 ..
Melaka	8,031 ..
Johor	4,155 ..
Jumlah ..	117,394 ekar

Selain daripada itu, Kerajaan juga ada membuka tanah hutan bagi tanaman padi secara besar-besaran seperti Rancangan Endau-Rompin.

Tuan Othman bin Abdul: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, adakah Kerajaan bercadang untuk memperbanyakkan pegawai-pegawai Penguatkuasa Akta Padi ini bagi menerima dan menyelesaikan masalah-masalah di bawah Akta ini dan yang kedua, adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan suatu jawatan baru bagi menyelesaikan kes ini kerana kes-kes di bawah Akta ini biasanya diselesaikan oleh Pegawai-pegawai Daerah yang telah pun mempunyai tugas yang begitu banyak.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, hingga kini belum lagi timbul untuk menyediakan tambahan Pegawai Penguatkuasa kerana kita dapati masih banyak lagi petani-petani yang belum mendaftarkan sewaanannya di

bawah peruntukan Akta ini, maka masalah penguatkuasa tidak timbul selagi petani-petani belum mendaftarkan dan masalah sebenarnya dalam perkara ini ialah kerana tidak adanya pendaftaran oleh petani-petani yang menyewa tanah mengikut Akta ini.

PROGRAM PEMINDAHAN TEKNOLOGI TINGGI

15. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai dalam usaha dan cita-cita Kerajaan mengenai pemindahan teknologi tinggi kepada rakyat negara ini sejak dasar pandang ke timur dilaksanakan. Adakah Kerajaan berpuas hati dengan kejayaan yang telah dicapai setakat ini. Kalau tidak apakah langkah-langkah Kerajaan bagi mencapai hasrat asal Kerajaan ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, di bawah Dasar Pandang ke Timur, beberapa projek industri berat seperti projek-projek kereta nasional, simen, besi waja dan enjin motosikal sedang dilaksanakan oleh HICOM secara usahasama dengan syarikat-syarikat Jepun. Beberapa langkah telah diambil dalam usaha memindahkan teknologi terutamanya menerusi latihan bagi pekerja-pekerja tempatan di kilang rakan usahasama di Jepun. Latihan ini adalah dalam bidang proses perkilangan, rancangan pengeluaran, teknik pengeluaran, kawalan mutu, dan teknologi penyelenggaraan di samping mencontohi etika kerja yang baik. Walau bagaimanapun adalah terlalu awal untuk menilai tanpa kejayaan yang dicapai kerana sebahagian besar dari projek-projek perindustrian tersebut adalah masih dalam peringkat awal perlaksanaannya.

Pencapaian cita-cita Kerajaan dalam hal ini adalah bergantung kepada prestasi projek-projek tersebut apabila ianya dilaksanakan sepenuhnya. Program pemindahan teknologi tinggi ini sudah pun berjaya di bidang teknologi petroleum di mana PETRONAS hanya sekarang ini mempunyai seramai 24 orang pakar kontrak dari jumlah lebih dari 3,000 kakitangannya. Saya ingin juga menyatakan di sini di sektor corporate atau sektor swasta pula, kadar pemindahan teknologi dalam syarikat-syarikat yang mempunyai kepentingan pihak Jepun adalah tidak memuaskan. Kita khuatir kebanyakan daripada syarikat-syarikat Jepun ini tidak ada mempunyai program yang jelas bagi pemindahan teknologi dan tidak ada menjalankan apa-apa usaha penyelidikan dan pembangunan pun di negara ini untuk faedah pekerja-pekerja tempatan. Dengan itu Kerajaan sedang mengkaji berbagai-bagai langkah fiskal dan bukan fiskal (fiscal and non-fiscal) bagi Rancangan Malaysia Kelima untuk memperbaiki keadaan yang kurang memuaskan ini.

MENARIK BALIK SOALAN No. 16

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Sim Kwang Yang.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya telah dijawab semalam dan saya fikir mungkin tidak perlu dijawab sekali lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila tarik balik soalan No. 16 ini, Tuan Setiausaha.

BUKIT CINA

17. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kerajaan akan mengisytiharkan untuk memelihara seluruh 41.6 hektar Bukit Cina di

Melaka sebagai warisan nasional kerana bukit tersebut bukan sahaja melambangkan persahabatan pertama antara orang-orang Melayu dan orang-orang Cina di negara ini tetapi juga adalah merupakan tempat perkuburan dan ibadat yang amat penting bagi masyarakat Cina di Malaysia.

Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Awang bin Jabar): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tiada apa cadangan untuk mengisytiharkan kawasan Bukit Cina sepertimana

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat menjawab dalam masa dua minit atau tiga minit?

Tuan Awang bin Jabar: Setengah minit sahaja. Setakat ini tidak ada cadangan untuk mengisytiharkan kawasan Bukit Cina seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, cuma setengah minit. Kalau ada cadangan, adakah ini akan ditimbang?

Tuan Awang bin Jabar: Cadangan masih tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 10 dan 18 adalah diberi di bawah ini).

PERDAGANGAN IMPORT C.I.F./EKSPORT F.O.B.

1. Tuan Hassan bin Haji Mohamed minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah yang telah dilakukan oleh Kerajaan dalam menggalakkan pengimport dan pengeksport tempatan yang menguruskan perdagangannya menerusi cara C.I.F.

(Import) dan F.O.B. (eksport) demi untuk mengawal pengaliran perdagangan tidak ketara dan meningkatkan perkembangan industri insuran dan perkapalan tempatan.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Kerajaan mengambil perhatian berat terhadap amalan perdagangan import c.i.f. dan eksport f.o.b. yang wujud pada masa ini dan Kerajaan tidak menggalakkan amalan tersebut dari wujud berterusan. Ini disebabkan amalan perdagangan serupa itu boleh menambahkan lagi bebanan ke atas kurangan perdagangan tak ketara yang sedia dialami sekarang.

Untuk makluman Yang Berhormat usaha Kerajaan kini adalah untuk menggalakkan amalan perdagangan sebaliknya, iaitu import f.o.b. dan eksport c.i.f. Bagi tujuan ini, langkah-langkah sedang dikaji untuk menggalakkan dan memastikan pihak swasta menerima dan mengurus perdagangan mereka atas syarat import f.o.b. dan eksport c.i.f. itu.

MEROKOK MEMBAHAYAKAN KESIHATAN—AMARAN KERAJAAN

10. Datok Dr Hee Tien Lai minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa amaran terhadap bahaya merokok yang berbunyi: "Merokok membahayakan kesihatan" tidak begitu berkesan untuk memberi kesedaran kepada orang ramai terhadap bahaya merokok terutama sekali di kalangan anak-anak belia dan beliawanis. Jika sedar adakah beliau akan mengadakan undang-undang untuk memasukkan empat label amaran pada kotak-kotak rokok;

"Merokok menyebabkan barah paru-paru, sakit jantung, emphysema dan akan menimbulkan

masalah bagi perempuan mengandung.”

“Berhenti merokok sekarang akan mengurangkan risiko kepada kesihatan anda.”

“Merokok oleh perempuan yang mengandung akan menyebabkan luka pada fetus, kelahiran bayi tidak cukup bulan dan bayi yang kurang berat badan semasa dilahirkan.”

“Asap rokok mengandungi monoxide.”

Jika tidak, kenapa.

Dato' K. Pathmanaban: Untuk makluman Yang Berhormat “AMARAN KERAJAAN: Merokok Membahayakan Kesihatan” di atas bungkusan rokok adalah salah satu dari tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan kerana banyak bahayanya merokok kepada perokok dan bukan perokok. Tidak diragukan lagi iaitu merokok sama ada boleh memulakan atau meruncingkan penyakit paru-paru dan jantung serta menjejaskan bayi biar pun sebelum mereka dilahirkan.

“AMARAN KERAJAAN: Merokok Membahayakan Kesihatan” menunjukkan perhatian Kerajaan serta kedudukan Kerajaan secara menyeluruh mengenai bahaya merokok yang seolah-olah diperkecilkan atau tidak diendahkan sangat oleh mereka yang berpegang kepada tabiat merokok dan yang terlibat dengan perkara ini.

Bagi mereka yang mula merokok seperti para remaja, dengan membaca amaran tersebut dapat memberi kesan positif ke atas diri mereka. Perokok yang telah ketagih biasanya mungkin tidak ambil peduli untuk membacanya.

Strategi-strategi pengawalan “wabak” merokok untuk negara-negara membangun seperti disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia

menekankan bahawa adalah perlu dikekalkan amaran kesihatan pada pengeluaran tembakau dan penjagaan perlu diambil supaya setiap amaran adalah tepat, terang, praktikal dan mudah difahami oleh orang ramai, dan Kerajaan mesti mengekalkan hak untuk mengubah amaran jika perlu.

Amaran Kesihatan sekarang telah dibuat melalui Akta Perihal Dagangan 1972 yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Pembentukan undang-undang sebagai sebahagian dari Rancangan Kawalan Merokok adalah mempunyai tujuan-tujuan utama seperti berikut:

- (a) Menolong mengurangkan merokok atau memastikan ianya tidak bertambah.
- (b) Menambah aktiviti-aktiviti mengenai pendidikan yang berkemungkinan menjadi lebih berkesan apabila disertai oleh undang-undang.
- (c) Menunjukkan Kerajaan mengambil berat tentang perkara ini.
- (d) Mempengaruhi tabiat orang ramai terhadap merokok.
- (e) Menolong mengurangkan bahaya kepada kesihatan ke atas mereka yang masih merokok; dan
- (f) Menghadkan pendedahan mereka yang tidak merokok daripada asap rokok.

Usaha-usaha perundangan dan pendidikan perlu ditujukan kepada kumpulan-kumpulan yang mudah menerima bahawa akibat merokok seperti kanak-kanak, muda mudi dan wanita-wanita hamil.

Penghalang-penghalang kepada perundangan adalah banyak. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mengadakan undang-undang yang

sesuai dari masa ke semasa dan Kementerian Kesihatan akan berusaha dengan undang-undang yang sedia ada seperti Akta Makanan 1983 dan Ordinan Ubat-ubatan (Pengiklanan dan Penjualan) 1956, selain dari menggunakan cara-cara pentadbiran untuk menambah kesedaran orang ramai ke atas merokok dan kesihatan, mengurangkan merokok di tempat-tempat awam dan tempat-tempat kerja, dan mengurangkan kandungan nikotin dan tar dalam rokok yang terdapat di Malaysia.

KOS BURUH DI MALAYSIA

18. Dato Dr Hee Tien Lai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kos buruh Malaysia telah meningkat sehingga tidak dapat disaingi lagi oleh negara-negara bergaji rendah di dalam dan di luar kawasan ini. Jika sedar, apakah tindakan tegas telah diambil atau akan diambil untuk berubah kepada teknologi tinggi dari perindustrian berasaskan sumber alam untuk melawan keadaan ini.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Kementerian saya sedar bahawa kos buruh di Malaysia telah pun meningkat berbanding dengan beberapa negara lain yang sedang membangun. Untuk mengatasi keadaan ini Kementerian akan meneruskan usahanya untuk menggalakkan penubuhan industri-industri yang berteknologi tinggi, yang pada keseluruhannya tidak berintensif gunatenaga. Dengan penubuhan industri-industri seperti ini tahap kemahiran pekerja-pekerja kita juga dapat dipertingkatkan lagi.

Saya suka menjelaskan bahawa industri yang berasaskan sumber alam tidak semestinya berteknologi rendah

serta berintensif gunatenaga. Terdapat juga industri-industri dalam kategori ini yang memerlukan teknologi tinggi serta gunatenaga yang kurang seperti industri "oleochemical" yang berasaskan minyak kelapa sawit. Oleh demikian, Kerajaan akan terus menggalakkan pemerosesan bahan-bahan mentah kita untuk mendapatkan faedah-faedah seperti peningkatan nilai ditambah sebelum keluaran tersebut dieksport. Untuk menentukan Kerajaan berupaya melaksanakan industri-industri yang berteknologi tinggi ini, Kerajaan akan memberi latihan-latihan yang sesuai untuk pekerja-pekerja kita di samping langkah-langkah yang diambil oleh sektor swasta supaya tenaga pekerja dapat menyerap teknologi tinggi serta meningkatkan lagi daya pengeluaran mereka.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1985

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (30hb Oktober, 1984).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1985

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang

Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$7,653,524,924 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1985, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1985 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 tahun 1984, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (30hb Oktober, 1984).

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, sila teruskan ucapan.

3.36 ptg.

Tuan Seow Hun Khim (Bukit Mertajam): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung ucapan saya semalam.

Tuan Yang di-Pertua, penyelidikan peringkat universiti bagi siswa-siswa melibatkan kos yang tinggi dan Kerajaan sepatutnya hendaklah merangka rancangannya agar siswazah akan dapat menyumbang tenaga mahirnya demi kepentingan dan faedah masyarakat dan negara. Akan tetapi pada bulan Mei tahun ini lebih kurang 180 orang siswazah kelulusan ijazah pendidikan dari Universiti Malaya dan USM tidak diberi posting di mana-mana satu sekolah. Siswazah-siswazah kumpulan ini telah diberi pendidikan perguruan dan adalah guru graduan yang terlatih. Saya tidak lihat ada apa-apa sebab mengapa guru-guru graduan ini tidak dapat posting mereka. Jika dikatakan tiada jawatan kosong yang wujud di sekolah, memang alasan ini tidaklah berasas

kerana masih terdapat ramai guru attachment bertugas di sekolah-sekolah di seluruh negeri.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya telah menerima salinan sepucuk surat tanpa nama penulis padanya yang diajukan kepada pihak Bank Negara

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa kalau sesuatu surat yang tanpa nama atau tandatangan tidak harus disebutkan dalam Dewan yang mulia ini. Saya rasa Yang Berhormat jangan bacakan isi kandungan surat yang tanpa nama dan tandatangan itu.

Tuan Seow Hun Khim: Tuan Yang di-Pertua, beliau telah bertugas sebagai

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah ini isi surat yang sama?

Tuan Seow Hun Khim: Bukan, bukan.

Timbalan Yang di-Pertua: Siapa "beliau" itu, Yang Berhormat?

Tuan Seow Hun Khim: Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya tidak boleh membenarkan itu, Yang Berhormat, kerana Dewan yang mulia ini mewakili rakyat negara Malaysia dan saya tidak boleh membenarkan isi kandungan surat terbang atau surat tanpa nama dan tandatangan.

Tuan Seow Hun Khim: Baiklah. Tuan Yang di-Pertua, inilah sahaja. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Rajang.

3.40 ptg.

Tuan Justine anak Jinggut (Ulu Rajang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun seperti Ahli-ahli Yang

Berhormat yang lain untuk membahas dan menyokong Belanjawan tahun 1985 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 19hb Oktober, 1984 di Dewan yang mulia ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kita yang baru oleh kerana begitu berani mengambil sikap yang begitu positif dan generous terhadap Belanjawan 1985 ini. Ini adalah oleh kerana Kerajaan Barisan Nasional mempunyai tujuan untuk memastikan ketahanan dan kekukuhan ekonomi negara kita untuk mencapai pertumbuhan yang lebih baik pada masa hadapan.

Juga, Tuan Yang di-Pertua, sikap Kerajaan yang meneruskan langkah berjimat cermat adalah berpatutan dana wajar pada masa sekarang oleh kerana ini adalah patut bagi Kerajaan memberi atau melaksanakan sesuatu projek mengikut keutamaan bagi setiap kawasan yang memerlukan projek. Anggaran Belanjawan yang dibentangkan ini amatlah penting bagi rakyat kerana kemajuan dan aktiviti-aktiviti ekonomi negara akan bergantung kepada Belanjawan ini dan oleh kerana ini adalah amat penting bagi pelaksanaan Belanjawaan ini akan mengikut apa yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah penderitaan dan kesulitan kami di luar bandar Sarawak memanglah banyak dan terlalu panjang hendak disebutkan di Dewan ini tetapi oleh kerana Dewan ini adalah Dewan perundingan rakyat, maka saya ingin menyentuh mengenai beberapa perkara yang melibatkan kepentingan penduduk-penduduk di luar bandar Sarawak, khasnya di kawasan saya sendiri.

Yang pertama, yang saya hendak sentuh, Tuan Yang di-Pertua, ialah

mengenai pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat. Saya memberi keutamaan kepada tajuk ini adalah oleh kerana bahawa demokrasi politik tidak akan lengkap dan sempurna jika rakyat tidak menikmati demokrasi ekonomi iaitu keupayaan untuk mengatasi kemiskinan.

Saya mengalu-alukan Belanjawan 1985 ini yang bermurah hati dan memperuntukkan peruntukan sebanyak \$2,190 juta kepada projek-projek atau program-program membasmi kemiskinan. Jumlah peruntukan ini adalah 30% daripada jumlah peruntukan pembangunan bagi tahun 1985.

Peruntukan yang besar ini menunjukkan keazaman Kerajaan yang bersungguh-sungguh untuk membawa kebahagiaan dan kesejahteraan kepada rakyat. Ini tidaklah dapat dinafikan.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu langkah Kerajaan terpenting untuk mencapai matlamat membasmi kemiskinan ialah dengan meninggikan daya pengeluaran petani, terutamanya dengan membuka tanah baru dan membangunkan tanah-tanah yang sedia ada.

Perkataan meninggikan daya pengeluaran petani adalah membawa erti yang sangat berguna kepada kaum petani di luar bandar Sarawak. Setakat ini kawasan seperti Ulu Rajang di Bahagian Ketujuh Sarawak yang mempunyai tanah dan hutan yang begitu luas tidak mempunyai projek pertanian yang besar-besaran, hanya digunakan oleh binatang yang liar sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dasar Kerajaan Negeri di mana petani-petani luar bandar Sarawak tidak dibenar membuka kawasan hutan untuk mereka bertani secara shifting cultivation, dengan izin, Tuan Yang

di-Pertua. Ini adalah oleh kerana kaum tani yang mempunyai cara shifting cultivation ini adalah membazir. Saya memanglah bersetuju ini adalah oleh kerana kayu-kayu balak yang ditebangkan itu patutlah dijual supaya memberi pendapatan kepada negara.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang mereka patut buat, kita Ahli-ahli Parlimen di Kuala Lumpur ini menyebut polisi-polisi membasmi kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat, meningkatkan daya pengeluaran petani, tetapi penduduk-penduduk kita luar bandar masih lagi ketinggalan. Yang miskin menjadi miskin dan menjadi alat di mana mereka dieksploitasikan, orang kaya menjadi kaya tanpa mengira kepentingan orang yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, bertani adalah cara hidup kaum tani luar bandar. Kaum tani ini yang menggunakan cara bertani yang primitif tidaklah boleh menjadi pekedai. Oleh kerana ini saya bercadang kepada Kerajaan Persekutuan supaya mengkaji dengan sedalam-dalamnya masalah-masalah kaum petani luar bandar khususnya di kawasan seperti kawasan Ulu Rajang.

Saya juga menyeru FELDA yang diperuntukkan wang sebanyak \$326 juta dan FELCRA yang diperuntukkan sebanyak \$102 juta memainkan peranan dengan lebih memuaskan lagi khususnya di kawasan yang mundur.

Saya juga bercadang supaya Kerajaan memotong kos feasibility study bagi syarikat-syarikat swasta yang berminat untuk membuka tanah untuk bertani sebagai insentif mereka. Ini adalah dibuat jikalau kawasan yang dikaji itu dapat digunakan untuk bertani.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rakyat yang mewakili 99% penduduk yang terdiri dari kaum petani yang

miskin, saya bercadang supaya Kerajaan memainkan peranan yang lebih memuaskan lagi dan mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum petani dengan sedalam-dalamnya daripada hanya memberi mereka subsidi yang tidak digunakan dengan sepatutnya dan hanya membazirkan duit negara kita.

Saya menumpukan ucapan saya khususnya kepada kaum petani bukanlah kerana saya sebagai seorang expert. Tetapi masalah kemiskinan kaum petani ini patutlah dikurangkan. Kerajaan Barisan Nasional adalah Kerajaan yang mempunyai polisi yang adil. Tetapi saya ingin bertanya sejauh manakah berjaya kita dari segi implementasi polisi-polisi ini, khususnya kepada rakyat kita yang di luar Bandar.

Saya memberi contoh, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita memberi kemudahan seperti pinjaman dari Bank Pertanian. Pinjaman dari bank ini adalah khas untuk kaum petani. Pinjaman ini kalau diberi mestilah memerlukan guarantee dari segi land title ataupun dari segi harta-harta sipemohon. Tetapi petani di luar bandar, khususnya di Sarawak yang mempunyai tanah di bawah Akta Customary Rights tidak mempunyai land title yang diperlukan oleh bank, dan jikalau ada pun bank tersebut tidak mahu menerima oleh kerana tempat tanah tersebut adalah jauh di pedalaman.

Jadi hairannya mereka yang mempunyai tanah yang memerlukan pinjaman ini tidak dapat memohon pinjaman. Oleh yang demikian, saya bercadang supaya Kerajaan memberi land title kepada tanah-tanah yang di bawah Akta Customary Rights ini dan juga oleh kerana tanah ini dipunyai oleh bumiputera maka patutlah tanah ini tidak dapat dijual kepada orang yang bukan bumiputera.

Satu lagi perkara yang saya ingin sentuh, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai industri kecil luar bandar. Penduduk luar bandar di Sarawak mempunyai talenya sendiri dari segi kraftangan dan mereka boleh menggunakan rotan untuk membuat tikar yang cantik dan sebagainya atau untuk membuat barang asli yang cantik dan juga lain-lain benda yang boleh dijual supaya mendapat pendapatan untuk menaikkan taraf hidup mereka. Waktu sekarang kraftangan ini adalah dijual secara small scale dan mereka yang membuat kraftangan ini hanya sementara (part time) sahaja dan kebanyakan daripada mereka ini selalu dieksploitasikan oleh orang-orang tengah (middle man). Oleh kerana ini saya menyeru Kerajaan supaya mewujudkan industri kecil kraftangan di luar bandar Sarawak dengan teknologi yang moden supaya mereka yang mempunyai talent ini dapatlah bekerja full time dan industri-industri kecil ini dapatlah menaikkan taraf hidup mereka. Di samping ini juga, Kerajaan mestilah mencari pasaran di luar negeri dan kraftangan ini tidaklah hanya dijual di pasaran tempatan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan import duti ke atas tayar dan kenaikan import duti dan duti eksais ke atas kereta-kereta penumpang persendirian pada pendapat saya adalah perlu. Ini adalah untuk memberi perlindungan yang lebih tinggi kepada industri tayar dan juga melindungi projek kereta nasional kita yang dijangka akan memulakan pengeluarannya di tahun 1985, juga inilah sebagai satu langkah untuk memperbaiki imbalan bayaran negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa hairan kenapakah ada juga orang yang agak suka menentang kenaikan cukai import kepada kedua-dua benda ini. Pada pendapat saya adalah jelas

bahawa Kerajaan hanya berminat untuk menjaga industri tempatan.

Saya pernah dicabar oleh orang ramai di Sarawak yang mengatakan adalah tidak wajar bagi Kerajaan menaikkan duti import dan duti eksais kepada kereta yang diimport. Ini adalah oleh kerana kereta Malaysia yang akan dikeluarkan tidak akan mempunyai taraf seperti kereta yang diimport.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa hairan mengapakah orang-orang Malaysia mempunyai fikiran yang seperti ini, tidakkah mereka tahu bahawa negara Jepun pada waktu mengeluarkan keretanya pertama kali juga tidak mempunyai taraf yang seperti hari ini.

Saya pernah mendengar pada waktu tahun 1970an orang mengatakan berapa rendahnya taraf kereta Jepun, tetapi sekarang apakah yang terjadi kepada kereta Jepun? Saya tidak mengatakan kita semestinya menjadi Jepun, tetapi apa yang perlu ialah kita sebagai rakyat Malaysia yang taat setia kepada negara kita patutlah mempunyai fikiran yang positif dan menyokong industri tempatan kita sendiri daripada kita menyokong industri negara lain, di samping ini kita juga dapat memperbaiki imbalan negara kita.

Mengenai industri tayar tempatan yang diberi perlindungan patutlah menjual tayar dengan harga yang sepatutnya, janganlah menggunakan perlindungan ini untuk mengeksploitasikan pembeli-pembeli tempatan juga, Tuan Yang di-Pertua taraf tayar patutlah dikaji dari masa ke semasa supaya mempunyai taraf tayar yang seimbang dengan tayar negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak \$76 juta telah diperuntukkan kepada bekalan air luar bandar dan sebanyak \$77 juta diperuntukkan kepada bekalan elektrik luar bandar dalam

Belanjawan 1985. Walaupun Kerajaan telah memperuntukkan penduduk-penduduk luar bandar dengan bekalan air dan bekalan elektrik sejak merdeka, tetapi ramai lagi penduduk luar bandar, khususnya di Sarawak belum lagi menerima kemudahan asas ini.

Mengenai bekalan air luar bandar adalah amat penting bagi rakyat. Di sini saya memberi sebabnya di kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kata Tuan Yang di-Pertua, tetapi tidak paling sekalipun ke sini?

Tuan Justine anak Jinggut: Minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, penduduk-penduduk menggunakan air sungai untuk mereka mandi, memasak, minum dan sebagainya. 10 tahun dahulu sungai ini adalah satu sungai yang bersih, tetapi pada waktu sekarang oleh kerana aktiviti membalak, hampir semua sungai di kawasan saya mengalami pencemaran ini, dengan izin, polluted. Air sungai ini adalah mengandungi tanah, hendak mandi sekarang pun tidak berani, apa lagi kalau kita hendak minum air dari sungai-sungai itu, kalau tidak percaya saya mintalah Yang Berhormat Menteri berkenaan untuk pergi ke kawasan saya untuk melihat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak patut untuk penduduk-penduduk di kawasan saya untuk menjadi victim oleh kerana aktiviti-aktiviti membalak ini. Saya bukanlah mengatakan membalak adalah salah, memang balak adalah salah satu aktiviti yang menambahkan pendapatan negara kita, tetapi apa yang menyedihkan ialah mengapakah Kerajaan tidak mengambil tindakan untuk mengatasi masalah pollution ini yang menyusahkan orang di luar bandar yang miskin. Dengan ini maka saya bercadang kepada Kementerian yang diberikan peruntukan sebanyak \$76

juta untuk bekalan air luar bandar menghantarkan wakil mereka untuk melihat dengan sendiri. Adakah patut bagi penduduk-penduduk yang mengalami pencemaran ini untuk menggunakan air yang kotor ini. Jikalau tidak patut saya berharaplah supaya banyak lagi bekalan air diberi kepada kawasan seperi ini.

Mengenai bekalan elektrik yang diperuntukkan sebanyak \$71 juta, saya berharap supaya peruntukan sebanyak ini akan diberi tanpa diskriminasi supaya dapat diberi kepada kawasan-kawasan yang sebenarnya memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$122 juta kepada Yayasan Pelaburan Bumiputera dalam Belanjawan 1985 ini. Ini adalah bertujuan untuk meninggikan penyertaan Bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan yang sentiasa menjaga kepentingan kaum Bumiputera di bidang perdagangan dan perindustrian.

Di Sarawak, Tuan Yang di-Pertua, adalah berlainan daripada Semenanjung oleh kerana mempunyai Bumiputera yang berbilang kaum seperti kaum Bidayuh, Melayu, Orang Hulu, Iban, Melanau dan sebagainya, semua kaum ini adalah mempunyai taraf Bumiputera. Saya berharaplah supaya penyertaan Bumiputera di Sarawak dalam bidang perindustrian dan perdagangan dibahagikan dengan cara yang adil, janganlah selalu menyatakan kaum Bumiputera yang mempunyai duit yang banyak, yang mempunyai experience, kalau ini dibiarkan kaum Bumiputera yang kaya akan menjadi bertambah kaya dan mempunyai experience yang lebih lagi. Jadi kaum yang baru sahaja hendak melibatkan diri dalam bidang perdagangan dan perindustrian hapuslah harapannya, mereka ini tidak mempunyai duit yang banyak

dan tidak mempunyai experience, jikalau dibandingkan dengan kaum Bumiputera yang kaya itu. Bilakah masanya mereka ini akan mempunyai duit dan experience kalau kaum ini tidak diberi peluang sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai tender-tender yang diberi oleh Kerajaan, saya berharaplah tender-tender ini dikaji dengan teliti supaya ianya dijalankan dengan licin tanpa diskriminasi, penyertaan Bumiputera patutlah penyertaan yang genuine, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja hanya sleeping partners sahaja.

Saya menyeru Kerajaan supaya mengkaji semula penyertaan Bumiputera dengan teliti. Ini adalah supaya nama Bumiputera jangan sahaja digunakan untuk kepentingan orang lain. Ini ada terjadi di setengah-setengah kawasan luar bandar di mana nama syarikat itu Bumiputera, tetapi orang lain yang menjalankannya.

Satu lagi perkara mengenai tender ialah consultant tempatan kita yang mempunyai qualification, tetapi apabila mereka ini mendapat tender yang bermillion ringgit, mereka ini terpaksa menyerahnya kepada rakan-rakannya di luar negeri. Memanglah bukan semua begini, jadi saya berharaplah supaya Kementerian Kewangan dapat mengawal masalah ini supaya duit kita tidaklah pergi keluar negeri tanpa sebab-sebab yang perlu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai OBA atau Agensi-agensi Luar Belanjawan, saya bersetuju dengan Kerajaan yang mengurangkan peruntukan sebanyak \$1.5000 juta iaitu kepada \$5.7000 juta. Ini adalah oleh kerana kebanyakan perkhidmatan yang diberikan oleh agensi-agensi ini boleh digalakkan dan dikembangkan melalui dasar pengswastaan. Oleh kerana OBA ini memberi kesan ke atas imbalan

pembayaran dan kedudukan kewangan sektor awam, maka saya bercadang supaya agensi-agensi ini patutlah di bawah jagaan Kementerian Kewangan.

Saya percaya pada waktu sekarang Kementerian Kewangan memperuntukan Belanjawan kepada OBA, tetapi Kementerian ini tidak mempunyai kuasa untuk menjaga bagaimana peruntukan ini digunakan. Agensi-agensi ini hanya memberi Laporan Odit yang mereka sendiri buat melalui Juru Odit sendiri kepada Kementerian Kewangan. Saya berharaplah oleh kerana kesannya ke atas ekonomi negara kita tidak begitu memuaskan dan pada tahun 1981 agensi-agensi ini memperbelanjakan 18% daripada jumlah belanjawan sektor awam patutlah dijaga, dikawal dengan teliti supaya wang negara kita tidaklah dibazir dengan begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai masalah guru-guru di Sarawak. Jumlah guru-guru yang sedang berkhidmat di negeri Sarawak ialah 14,370 orang. Daripada ini 11,362 adalah guru terlatih dan 3,008 adalah guru-guru sementara. Guru yang terlatih 979, masih lagi belum disahkan dalam jawatan oleh kerana belum lagi mempunyai kelulusan SPM Bahasa Malaysia dengan kepujian. Ini bukanlah kerana mereka atau mereka ini dengan sengaja tidak mahu mempelajari Bahasa Malaysia, tetapi masalah sebenarnya adalah disebabkan oleh sistem pendidikan yang diadakan pada tahun 1960an di mana Bahasa Malaysia tidaklah satu subject yang compulsory, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, tidaklah perlu untuk saya memanjangkan masalah ini oleh kerana rakan saya dari Lambir telah pun menyebut masalah ini dengan panjang lebar di Dewan yang mulia ini dan saya berharaplah Kementerian Pelajaran dapatlah memberi jawapan yang sewajarnya.

Satu lagi masalah yang saya ingin sentuh, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai Kad Pengenalan dan Surat Beranak. Masalah ini adalah satu masalah yang besar yang melibatkan penduduk-penduduk luar bandar di Sarawak, khususnya di kawasan saya sendiri. Surat Beranak dan kad Pengenalan adalah menjadi perlu pada masa sekarang. Kebanyakan daripada penduduk-penduduk luar bandar Sarawak belum lagi mempunyai Surat Beranak ataupun Kad Pengenalan pada waktu sekarang. Ada pula anak-anak mereka yang di bangku sekolah yang belum lagi mempunyai Surat Beranak ataupun Kad Pengenalan tidaklah dibenar menyertai Peperiksaan Tingkatan 3, jadi terpaksa mereka balik ke kampung.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru Kerajaan supaya sistem seperti ini dihentikan, khususnya kepada kawasan yang mundur seperti di Ulu Rajang. Mereka yang tidak mempunyai Surat Beranak ataupun Kad Pengenalan bukannya dengan sengaja tetapi sebab-sebab yang saya akan sebutkan. Yang pertama, ialah "ignorance", dengan izin. Bapa-bapa dan ibu-ibu mereka yang melahirkan anak mereka di luar bandar tidaklah tahu prosedur yang sepatutnya, jadi mereka ini tidaklah membuat report kepada Pegawai Daerah ataupun pejabat yang bertanggungjawab. Ini adalah oleh kerana, pertama, tidak kesedaran dan kedua, mereka ini tidak mempunyai duit untuk pergi ke pejabat yang bertanggungjawab itu.

Untuk pengetahuan Dewan ini, mereka ini hanya menggunakan perahu sahaja untuk berjalan ke pasar atau ke pekan. Oleh kerana tidak kesedaran ini, apabila anak mereka memerlukan Surat Beranak ataupun Kad Pengenalan terpaksa mereka memohon dan mengisikan borang "Late Registration of Birth Certificate" supaya mereka dapat memohon Kad Pengenalan mereka.

Saya telah dijumpai oleh mereka yang terlibat ini supaya permohonan mereka untuk Surat Beranak ini dapat dicepatkan, manalah saya dapat, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana ini saya mintalah Kementerian Dalam Negeri menolong kaum orang ulu ini supaya masalah Surat Beranak dan Kad Pengenalan luar bandar di Sarawak dapat diselesaikan tanpa menyusahkan orang yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masalah ini amat serius, saya bercadang supaya satu badan ditubuhkan oleh Kementerian Dalam Negeri untuk menyelesaikan masalah ini. Kita telah berdeka lebih 20 tahun, jadi saya sebagai Wakil Rakyat penduduk yang mementingkan perkara ini minta tolong dari Kementerian Dalam Negeri untuk menyelesaikan masalah ini.

Satu lagi perkara yang saya ingin bangkitkan, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai integrasi nasional, iaitu perhubungan di antara Semenanjung Malaysia dengan Sarawak dan Sabah. Penduduk-penduduk di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah yang hendak menghubungi negeri-negeri di Malaysia ini hanya pada masa sekarang menggunakan kapalterbang sahaja. Jadi, oleh kerana ini hanya orang yang mempunyai wang sahaja yang dapat melawati negeri-negeri rakannya di Malaysia. Maka dengan ini saya bercadang supaya kemudahan perhubungan di antara Semenanjung, Sarawak dan Sabah dapat ditambahkan lagi supaya proses integrasi nasional kita dapat dicepatkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri ucapan saya, saya berharaplah Kementerian-kementerian yang berkenaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya demi untuk kepentingan rakyat. Ulu Rajang adalah kawasan yang terpencil sekali di Sarawak. Kawasan ini juga

susah hendak dihubungi dan hanya dapat dihubungi dengan perahu sahaja. Mereka yang tinggal di kawasan ini diamnya bertumpuk-tumpuk. Saya memang mengakui bahawa kawasan seperti ini susah hendak dihubungi oleh kerana dari segi geographicalnya dan pembangunan di kawasan ini adalah menelan belanja yang besar. Walau bagaimanapun, saya berharap Kerajaan tidak mengambil sebab-sebab yang saya sebut di atas ini tadi sebagai satu sebab untuk melupakan penduduk-penduduk di kawasan ini.

Dengan ini, saya menyokong Belanjawan 1985 ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Muda.

4.05 ptg.

Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda): Tuan Yang di-Pertua, saya akan menumpukan perbincangan dan perbincangan belanjawan ini kepada dua perkara sahaja, iaitu mengenai cukai dan yang keduanya mengenai objektif yang telah pun disarankan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tempoh hari.

Pada tahun yang lalu saya telah pun membuat teguran-teguran kepada Kerajaan, terutamanya mengenai kebocoran rahsia-rahsia Kerajaan mengenai cukai-cukai yang mungkin dinaikkan dan pada tahun lalu ramalan-ramalan yang telah dibuat memanglah tepat ataupun hampir-hampir tepat mengenai cukai-cukai yang akan dinaikkan. Tetapi pada tahun ini saya mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan kerana hanya satu jenis cukai sahaja yang diramalkan tepat, iaitu mengenai cukai import kepada kereta-kereta baru yang telah pun dikemukakan oleh Kerajaan. Ini suatu amanah yang telah pun ditunjukkan oleh Kerajaan

bahawa segala rahsia Kerajaan itu tidaklah perlu diketahui terlebih dahulu kerana spekulasi-spekulasi yang dibuat hanyalah akan merugikan pihak Kerajaan semata-mata.

Pada tahun ini peruntukan yang telah pun diumumkan berjumlah \$29,191 juta di mana pembahagiannya 74% daripadanya ialah Perbelanjaan Mengurus. Ini menunjukkan satu beban yang berat kepada Kerajaan baginya menampung semua Perbelanjaan Mengurus, termasuklah bagi membiayai satu juta lebih kakitangan Kerajaan yang ada di negara ini. Saya berharap supaya dengan perbelanjaan yang besar ini semua pegawai-pegawai Kerajaan dapatlah memainkan peranan masing-masing demi untuk bangsa dan negara dan juga untuk pembangunan yang kita idam-idam kepada anak pribumi negara ini, hanya 26% iaitu \$7,653 juta diperuntukkan bagi pembangunan. Walau macam manapun, kenaikan telah pun ditunjukkan sebanyak 5% daripada tahun lalu yang saya menjangka ini adalah merupakan satu petanda yang baik ke arah pembangunan yang lebih sempurna.

Setelah menilai anggaran hasil Persekutuan bagi tahun 1984 dan dibandingkan dengan pendapatan sebenar tahun 1984 selepas semakan dibuat, saya menjangkakan bahawa Kerajaan akan memperolehi pendapatan tambahan atau lebih anggaran pada tahun 1985 jika sekiranya semua jentera Kerajaan dapat berjalan dengan baik dan dengan bantuan pegawai-pegawai Kerajaan dengan penuh dedikasi terhadap negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat sedikit penelitian ke atas anggaran-anggaran hasil 1984 dan semakan tahun 1984 bagi membolehkan kita melihat dengan lebih mendalam prestasi pungutan hasil Kerajaan bagi tahun 1984. Bagi

tahun 1985 yang akan datang nampaknya pergantungan Kerajaan dari cukai pendapatan kepada sumber hasil utama Kerajaan yang terbesar telah berubah kepada cukai jalan dan cukai pemindahan saham. Daripada cukai jalan dengan perubahan-perubahan kepada Ordinan Lalulintas 1958, Kerajaan akan memperoleh sebanyak \$150,300,000 dan cukai pemindahan saham berjumlah \$150 juta. Lain-lain cukai yang agak besar yang akan diperolehi ialah kenaikan cukai import ke atas kereta-kereta yang dipasang di luar negeri ialah sebanyak \$61,700,000.

Dengan penyemakan semula kadar cukai pendapatan perseorangan, Kerajaan telah kehilangan salah satu sumber pendapatan yang besar seperti yang saya katakan tadi, iaitu berjumlah \$359 juta. Saya tidak faham mengapakah perkara ini harus berlaku dan sepertimana ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain mempersoalkan mengapakah perkara ini harus dilakukan oleh pihak Kerajaan sedangkan ia merupakan salah satu sumber hasil yang besar kepada negara. Kerajaan mungkin beranggapan sungguhpun kadar cukai pendapatan ini dikaji semula, tetapi negara mempunyai \$40 juta lebih pendapatan tahun 1985. Tetapi pada pandangan saya kalau dikekalkan kadar yang lama bermakna Kerajaan mempunyai sebanyak \$399 juta pada tahun 1985. Ini bermakna pungutan Kerajaan bagi tahun 1985 jika sekiranya tidak diadakan semakan semula cukai pendapatan akan lebih banyak kutipan yang dibuat. Ini menunjukkan anggaran yang telah pun diberikan bagi tahun 1985, iaitu sebanyak \$21,913 juta dan cukai tahun 1984 \$21,877 juta, bermakna perbezaannya pendapatan tambahan Kerajaan adalah \$40 juta hasil daripada semakan ataupun anggaran yang telah dibuat oleh Kerajaan.

Di dalam anggaran hasil 1984 setelah disemak perbezaan antara

anggaran 1984 dengan semakan yang telah dibuat terdapat pertambahan hasil pendapatan negara. Walaupun begitu saya ingin mengemukakan beberapa pertanyaan kepada Kerajaan.

Pertamanya mengenai cukai jalan iaitu kutipan cukai jalan. Dalam masalah ini Kerajaan telah pun kekurangan ataupun kutipan Kerajaan berkurangan sebanyak \$201 juta. Ini merupakan suatu kutipan yang tidak baik pada pandangan saya. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan ada menjelaskan di dalam Dewan ini bahawa ini adalah satu anggaran, tetapi pandangan saya anggaran kutipan road tax, dengan izin, mestilah suatu anggaran yang tepat kerana angka-angka ataupun jumlah cukai yang perlu dibayar dengan jumlah kenderaan yang ada di dalam negara ini sudah tepat kedudukannya. Jadi anggaran bagi kutipan hasil cukai jalan ini sepatutnyalah menepati anggaran yang dibuat, tidak boleh jadi suatu perbezaan yang besar seperti ini. Jadi Kerajaan haruslah mengkaji perkara-perkara yang baru yang mungkin atau perlu dibuat bagi memperbaiki cara kutipan ini kerana ianya adalah merupakan suatu hasil yang besar kepada kita.

Bila menyentuh soal cukai ini saya inginlah menyentuh dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, mengenai sungutan, rungutan dan boleh jadi persengkitaan di antara Persatuan Tuan-tuan Punya Lori dengan pihak JPJ. Saya menggesa Kerajaan dan pihak-pihak yang bersengkita itu supaya dapatlah menyelesaikan perkara ini dengan baik demi kepentingan semua pihak kerana pada pandangan saya, walaupun hari ini terbit kenyataan daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang bahawa telah pun terdapat perasaan tidak puas hati ataupun kurang keyakinan masyarakat tentang kerja-kerja yang dijalankan

oleh pihak BPR. Saya tidak yakin perkara itu berlaku dan segala tuduhan-tuduhan dan tohmah itu mestilah disertakan dengan fakta-fakta yang boleh menunjukkan kebenaran dan pihak Kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Atas perkara ini juga saya rasa perselisihan di antara Persatuan Tuan-tuan Punya Lori dengan pihak JPJ kalau hendak dikiralah pihak JPJ ini amat bertimbang rasa kepada tuan-tuan punya lori. Kalau mengikut Ordinan Lalulintas bagi lori-lori yang mempunyai plet nombor yang kotor pun tidak dapat dipandu di atas jalan raya. Satu kesalahan kalau mengikut Road Traffic Ordinance ini, dengan izin. Ini menunjukkan bahawa telah berlaku kelonggaran yang banyak kalau hendak dibandingkan dengan negara-negara jiran kita di mana lori-lori atau lain-lain kenderaan yang hendak jalan di atas jalan raya perlu membasuh tayar, badan lori itu semuanya supaya bersih dan nampak bersih. Ini saya rasa pertimbangan yang wajar perlulah diambil oleh pihak-pihak yang bersengkita supaya tidak menimbulkan masalah kepada ahli-ahlinya dan juga tidak menimbulkan sebarang masalah kerumitan kepada pihak pentadbir untuk menjalankan tugasnya.

Berbalik saya kepada persoalan pungutan hasil Kerajaan. Hasil cukai langsung Kerajaan bagi tahun 1984 kekurangan sebanyak \$164,500,000 iaitu dari cukai pendapatan perseorangan berbanding dengan anggaran pungutan. Kekurangan ini adalah besar dan Kerajaan harus menubuhkan suatu pasukan petugas bagi menyasat dan mengkaji sebab-sebab mengapa berlaku kekurangan ini. Mungkin terdapat ramai warganegara negeri ini yang mengelakkan diri daripada menjelaskan cukai kepada Kerajaan dan seperti yang saya sebutkan tadi haruslah ada suatu badan jabatan

Cukai Pendapatan misalnya untuk meneliti, mengkaji mengapakah pengelakan daripada membayar cukai ini begitu besar dan menyebabkan kerugian negara yang begitu banyak, \$164 juta, satu jumlah yang besar pada pandangan saya.

Kerajaan juga menghadapi kekurangan penerimaan yang agak besar di dalam royalty petroleum. Kekurangan adalah sebanyak \$90 juta. Jadi saya merasa hairan mengapakah royalty petroleum ini berkurangan sedangkan pengakuan-pengakuan yang diberikan di dalam Dewan yang mulia ini oleh Menteri-menteri bahawa pengeluaran minyak adalah bertambah dari setahun ke setahun, dari sebulan ke sebulan. Ini juga pada pandangan saya mestilah diadakan suatu penyasatan bagi mengkaji dan melihat, menyelesaikan masalah pungutan royalty ini kerana ianya adalah merupakan satu sumber hasil Kerajaan Persekutuan yang mana ianya akan membawa kepada pembangunan masyarakat keseluruhannya. Walaupun begitu cukai pendapatan daripada petroleum ini didapati telah bertambah sebanyak \$655 juta, mengatasi kekurangan royalty yang telah disebutkan tadi. Pendapatan dari cukai langsung Kerajaan adalah bertambah sebanyak \$675,500,000 berbanding dengan anggaran dalam tahun 1984 dan satu tambahan yang patut dipuji oleh semua rakyat kepada pihak Kerajaan.

Sekarang saya hendak menyentuh sedikit mengenai duti-duti kastam bagi tahun 1984 sebagai analisa ringkas yang telah saya buat. Keseluruhan hasil cukai yang telah diletak di bawah kepala 6000 iaitu duti-duti kastam adalah merosot dengan teruk berbanding dengan anggaran 1984 yang telah disemak. Kekurangan keseluruhannya adalah sebanyak \$255,500,000. Kekurangan paling teruk ditunjukkan adalah duti eksport ke atas bahan mentah getah iaitu

sebanyak \$313 juta, kemudiannya diikuti oleh timah yang merosot sebanyak \$13 juta. Getah dan timah adalah merupakan dua bahan mentah utama negara untuk eksport. Saya tidak dapat mengagak sebab-sebab kemerosotan eksport getah negara dalam tahun 1984. Jadi pendapatan negara dalam sektor ini seharusnya tidak menunjukkan kekurangan yang begitu besar. Usaha-usaha pemasaran yang lebih berkesan perlulah dibuat oleh Kerajaan bagi mengatasi kemerosotan eksport yang juga menjejaskan imbalan pembayaran negara. Dan selain daripada itu jika sekiranya Kerajaan mempunyai hasrat untuk mempergunakan bahan mentah ini di dalam negara ini maka ini adalah suatu jalan yang lebih baik iaitu kita gunakan, kita proses dan kita jualkan di dalam negeri ini.

Bagi timah, saya rasa semuanya telah faham bahawa kemerosotan pengeluarannya adalah salah satu sebab mengapa kemerosotan duti import bagi perkara ini. Walau bagaimanapun dalam eksport bahan mentah ini kita telah lihat bahawa minyak kelapa sawit sekarang telah memainkan peranan penting di dalam pendapatan negara. Duti eksport minyak kelapa sawit bertambah sebanyak \$80 juta. Ini menunjukkan petanda yang baik sebagai hasil dan Kerajaan haruslah memperbanyakkan ladang-ladang kelapa sawit bagi menambahkan pengeluaran hasil minyaknya. Berbanding dengan duti import, Kerajaan hanya memperolehi tambahan sebanyak \$4 juta, itupun paling tinggi ialah kerana duti import petrolium sebanyak \$315,264,000. Ini menunjukkan tambahan sebanyak \$63,514,000. Kekurangan duti import adalah merupakan satu petanda yang baik di mana saya sebutkan tadi kerana kemungkinannya Kerajaan mengurangkan importnya ke negara ini dan dengan itu akan membaiki kedudukan imbalan pembayaran negara.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak melihat sedikit mengenai hasil eksais. Melalui eksais Kerajaan telah mendapat tambahan sebanyak \$252 juta diperolehi oleh Kerajaan dalam tahun 1984. Walau bagaimanapun petrolium juga yang memainkan peranan penting iaitu sejumlah \$134,420,000 diikuti dengan eksais kereta motor \$96,280,000 dan eksais rokok tempatan \$41,684,000. Harapan saya kepada pihak Kerajaan iaitu dengan terlaksananya program kereta Malaysia dalam pertengahan 1985 ini semoga pendapatan melalui eksais ini akan bertambah dengan pembinaan-pembinaan motokar kita iaitu Proton Saga. Kerajaan telah tidak mendapat hasil yang lumayan bagi cukai jualan iaitu kekurangan sebanyak \$48,490,000. Dalam soal ini Kerajaan berkurangan sebanyak \$48,980,000 berbanding dengan jumlah anggaran yang telah pun dibuat. Cukai jualan atas barang-barang perkilangan dalam negeri menunjukkan sedikit lebih tetapi tidak sampai bagi menutupi kekurangan cukai jualan atas barang-barang import menyebabkan kekurangan lagi sebanyak \$36 juta.

Kerajaan juga nampaknya tidak dapat bergantung kepada hasil duti-duti setem, dari anggaran jumlah \$370,700 yang diperolehi hanyalah sebanyak \$303 juta, ini menunjukkan kekurangan Kerajaan sebanyak \$67,700,000.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan Hasil Bukan Cukai. Bayaran-bayaran perkhidmatan Kerajaan, Kerajaan bolehlah bergantung kepada sumber ini kerana hasilnya adalah memuaskan. Kerajaan mendapat tambahan hasil sebanyak \$34,700,000. Saya merasa pelek di sini dalam heboh-heboh Menteri Kerjaraya untuk bercakap berkenaan tol dan kutipan tol di negara ini tetapi hanya \$400 ribu dikutip dalam tahun 1984 berbanding dengan anggaran

sebanyak \$3 juta. Satu perbezaan yang besar, \$3 juta yang dianggarkan, \$400 ribu yang dipungut, ini juga merupakan satu kemusykilan, mengapakah perkara ini harus berlaku dan apakah sebab-sebab kemerosotan kutipan tol ini berlaku.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan nampaknya begitu berjaya dalam pelaburan yang telah dibuat oleh Kerajaan, saya ingin mencadangkan agar Kerajaan memperbanyakkan pelaburan yang boleh mendatangkan keuntungan kepada negara supaya lebihannya dapatlah dilaburkan dalam sektor pembangunan. Saya katakan begini kerana perolehan paling besar adalah melalui faedah dan hasil daripada pelaburan Kerajaan itu sendiri, iaitu menunjukkan tambahan sebanyak \$1,187,484. Ini menunjukkan suatu pendapatan yang begitu tinggi jika kita lihat daripada hasil-hasil pendapatan Kerajaan dalam tahun 1984.

Tuan Yang di-Pertua, keuntungan daripada PETRONAS sahaja berjumlah \$980 juta, dengan ini Kerajaan atau melalui PETRONAS perlulah meneruskan dasar yang ada sekarang iaitu melabur dalam bidang-bidang yang menguntungkan, kita tidak perlu mengambil kira apakah yang akan dikatakan oleh parti Pembangkang, terutamanya DAP mengenai pengembangan PETRONAS dalam usaha untuk mengembangkan sayapnya bagi membantu Kerajaan di dalam menambahkan hasil negara ini. Daripada penelitian ringkas di atas, sesungguhnya hasil bukan cukai juga menampakkan pertambahan yang baik.

Hasil cukai tetap sebagai punca utama pendapatan negara. Bagi tahun 1985 saya berharap Kerajaan akan dapat memperolehi jumlah pendapatan seperti apa yang telah dianggarkan dengan kerjasama yang kuat serta dedikasi daripada semua

peringkat pegawai-pegawai Kerajaan seperti yang saya sebutkan tadi. Malahan mungkin pada pandangan saya Kerajaan akan mendapat pendapatan seperti yang tercatat dalam buku Anggaran Hasil Persekutuan Malaysia bagi tahun 1984 kerana pertumbuhan sebenar ekonomi negara meningkat kepada 6.9% dalam tahun 1984 berbanding dengan 5.9% dalam tahun 1983.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya akan mengambil sedikit petikan daripada ayat terakhir Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa membentangkan Belanjawan Negara pada 19hb Oktober 1984 yang lalu, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya bacakan:

“Dengan sokongan penuh daripada semua kaum dan perpaduan setiap golongan rakyat, kita akan mencapai masa depan yang lebih makmur dan gemilang”.

Ini adalah sebahagian daripada ucapan ayat terakhir Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana memberi pandangan yang lebih berat terhadap soal perpaduan ini. Sehingga ini saya rasa tidak ada lagi orang-orang yang tergolong di dalam golongan pembangkang berterima kasih kepada Kerajaan yang dapat mengawal kesejahteraan dan perpaduan kaum di negara itu. Perpaduan kaum adalah penting untuk pembangunan sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ini. Kerjasama semua kaum juga adalah perlu membantu usaha-usaha Kerajaan dalam pembangunan. Ini bukanlah sepertimana parti Pembangkang, DAP yang mengapi-apikan perasaan perkauman dan tuduh menuduh yang tidak berasas. Misalnya, di dalam kes Kampong Bercham, dengan begitu bengis, menyarankan, mengatakan di dalam

Dewan ini, adakah kerana China perlu tembak. Saya hendak menegaskan kepada DAP, terutamanya Ketua Pembangkang bahawa orang-orang Melayu di negara ini beribu-ribu, berpuluh-puluh ribu ditembak dengan gas pada tahun 1974, malahan berpuluh-puluh orang ditahan di bawah ISA, orang Melayu tidak heboh, tidak pun membawa usul di dalam Dewan yang mulia ini. Pada tahun 1980 peristiwa di Wisma Negeri, beribu-ribu orang Melayu ditembak dengan gas, malahan lagi ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri tetapi orang Melayu tidak heboh kerana tidak ada manusia, tidak ada rakyat, warganegara ini terletak di atas daripada undang-undang selain daripada perkara yang termaktub di dalam perlembagaan.

Siapa sahaja yang melakukan kesalahan maka mereka akan menerima akibatnya. Soal pengapian ini merupakan satu perkara yang tidak baik dan tidak sihat, dan soal Bukit China dibawa daripada Alor Setar sampai ke Johor Bahru, dengan begitu bengis, lantang. Saya hendak menunjukkan suatu gambar di dalam akhbar "The Star" 21hb Oktober, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong dengan muka yang garang, bengis, bertengkar dengan OCPD di Alor Setar dan menolak anggota-anggota Polis yang hendak menangkap kerana perbuatan yang begitu tidak sopan pada pandangan masyarakat.

Tuan Karpal Singh: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat atau minta jalan.

Tuan Karpal Singh: Boleh beri?

Tuan Othman bin Abdul: Beritahu dahulu, Peraturan Mesyuaratkah atau minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Minta jalan Yang Berhormat?

Tuan Karpal Singh: Minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Muda, Yang Berhormat dari Jelutong minta jalan.

Tuan Othman bin Abdul: Saya beri.

Tuan Karpal Singh: Barangkali, Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda tidak sedar apa yang jadi di Alor Setar pada hari itu. Hari itu bukan OCPD sahaja ada tetapi ada Pegawai-pegawai Polis Kanan lain yang cuba untuk jangan beri peluang untuk kami dari DAP, saya dan rakan-rakan saya untuk jalan masa itu kempen keselamatan Bukit China. Bila OCPD dan OCCI menahan saya, Tuan Speaker, saya bertanya di bawah apa kuasa, apa undang-undang beliau menahan saya. Bukan saya sahaja tetapi juga rakan-rakan saya. Tetapi masa itu bila saya bertanya apa undang-undang, beliau ada cakap undang-undang, Akta Polis dan sebagainya. Tetapi tidak beri tetap apa undang-undang, di bawah mana beliau untuk menahan kami. Oleh kerana itu bila Polis mencuba untuk menahan saya, bila cuba, saya gunakan kuasa saya, Tuan Speaker. Satu warganegara dalam negara ini ada kuasa jikalau Polis tidak ikut undang-undang mahu menahan, satu warganegara itu ada hak untuk membantah bukan bantah tetapi juga jikalau perlu, Tuan Speaker, "even" pukul pegawai Polis.

Timbalan Yang di-Pertua: Cukuplah penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh: Itu saya mahu beri penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya ingat penjelasan itu meliputi.

Tuan Karpal Singh: Itu apa yang benar, apa yang jadi hari itu. Bukan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda tadi mahu cuba memberi gambaran lain.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Muda, Yang Berhormat dari Jelutong telah memberi penjelasan daripada apa Yang Berhormat sebutkan, bukan hujah Yang Berhormat mesti menjawab. Walau bagaimanapun, adalah terserah kepada Yang Berhormat bagaimana hendak membawa ucapan seterusnya.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Dia kata saya tidak faham. Saya bukan "lawyer" tetapi mengikut gambar ini di bawahnya terletak sebuah motokar yang dikelilingi, ditampal dengan poster-poster DAP. Ini sudah melanggar peraturan. Sudah melampaui, sudah melanggar undang-undang dan Polis berhak untuk mengambil tindakan. Saya bukan "lawyer", saya mengaku tetapi jika sekiranya pandangan seorang "lawyer" begini jika segala ini bukan lagi melakukan kesalahan dan cuba untuk mengapi-apikan keadaan

Tuan Karpal Singh: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, adakah mahu beri jalan lagi atau tidak.

Tuan Othman bin Abdul: Saya beri jalan, beri peluang ini.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, dalam perkara ini kereta ada tampal posterkah atau apa-apa lain, orang yang memandu kereta itu sudah ditahan hari itu dan barangkali pada masa hadapan tentu didakwa di mahkamah. Di dalam mahkamah tentu kami beri penjelasan oleh kerana apa yang jadi hari itu. Jadi hal itu satu perkara lain. Perkara yang tadi Ahli Yang Berhormat ada sebut itu lain.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya ingin bertanya Ahli Yang Berhormat, adakah benar bahawa kes itu adalah di dalam perbicaraan mahkamah?

Tuan Karpal Singh: Bukan perbicaraan lagi, Tuan Speaker. Saman sudah dikeluarkan tetapi belum disebut dalam mahkamah, mungkin boleh cakap sudah ada dalam mahkamah oleh kerana saman sudah dikeluarkan. Bukan *sub-judice*, Tuan Speaker. Oleh kerana apa yang ada dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ini gambarkan saya sebagai seorang yang tidak peduli undang-undang, buat apa yang saya mahu buat, tak peduli undang-undang, itu bukan benar, Tuan Speaker.

Jika Polis gunakan kuasa ikut undang-undang dengan terus, jika saya ingat apa yang beliau buat ada ikut undang-undang, saya tentu serah diri saya kepada Polis, tetapi jika saya lihat apa yang Polis buat tidak ikut undang-undang, saya buat apa yang saya ada hak untuk buat seperti apa yang saya telah buat di Alor Setar.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih untuk penjelasan itu. Sila teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, hasrat itu yang mustahak, apabila kita ketahui hasrat, mungkin masalahnya juga akan diketahui, hasratnya adalah cuba untuk menimbulkan satu isu yang boleh menimbulkan semangat kepada satu kaum yang boleh menjejaskan perpaduan kaum di negara ini. Hasrat itu yang mustahak. Apabila pihak berkuasa mengetahui bahawa hasrat DAP adalah bertujuan untuk mengapi-apikan masyarakat, mengapi-apikan perasaan kaum Cina di negara ini, maka dengan sebab itulah pihak Polis mengambil tindakan untuk menghalang "relay" itu. Jadi hasrat itu mestilah diketahui dan disimpan dan hasrat itu juga menimbulkan prasangka-prasangka yang lain, dalam keadaan masyarakat berbilang kaum ini perlulah kita menimbangkan perasaan-perasaan orang lain. Mengapa perlu kita menaikkan darah yang boleh

menimbulkan perasaan atau sangkaan yang tidak baik, perasaan jahat di kalangan masyarakat?

Soal ini saya kaitkan, apabila saya kaitkan berlaku satu bencana seperti 13 Mei, apa yang mungkin berlaku, apa yang akan berlaku, segala-galanya akan musnah, dan perjalanan Kerajaan akan terhenti, pembangunan kerajaan akan terbantut dan pihak DAP juga akan membangkitkan perkara ini: Apa Kerajaan buat? Mereka selalu mempersoalkan Kerajaan di Dewan yang mulia ini. "Apa ada buat, apa ada buat, goyang kakikah?" Pertanyaan-pertanyaan begitu kurang sopan kepada Menteri-menteri kita. Maka itulah sebabnya saya membangkitkan perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat minta jalan lagi.

Tuan Othman bin Abdul: Boleh, tiga-empat kali pun boleh saya beri jalan.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, dalam kempen relay seribu batu; Alor Setar ke Melaka, Johor Bahru ke Melaka dan Kuantan—Tuan Speaker dalam kempen itu selepas apa yang ada jadi di Alor Setar, Tuan Speaker, tidak ada apa-apa bantahan daripada pihak Polis atas kempen itu sehingga kelmarin. Tuan Speaker, kempen itu sudah tamat kelmarin dan apa yang jadi di Alor Setar, selain daripada itu, Tuan Speaker, tidak ada apa-apa bantahan lain. Oleh kerana itu, kerana apa peristiwa 13 Mei dan perkara lain yang ada dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda. Pihak Polis ada kuasa untuk tahan tetapi tidak dibuat sedemikian. Ini bermakna, Tuan Speaker, apa yang ada dibuat oleh Ahli-ahli DAP dalam kempen relay ada ikut undang-undang dan oleh kerana itu kejadian seperti Mei 13 tidak ada kaitan dengan kempen itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda, saya rasa cukuplah berkenaan dengan hujah yang demikian, penjelasan pun cukup. Jadi saya harap Ahli Yang Berhormat beralih kepada perkara yang lain dalam ucapan Yang Berhormat.

Tuan Othman bin Abdul: Walau macam manapun nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Jelutong tidak faham, kurang faham Bahasa Melayu saya, boleh jadi tinggi sedikit sahaja, sebab itulah perkataan konon pun mereka tidak faham, kalau perkataan konon yang menafikan fakta dibawa dalam Dewan ini sebagai usul, inilah sebahagian daripada halangan untuk memahami hakikat yang sebenarnya apakah yang akan berlaku dan kemungkinan yang akan berlaku.

Saya kaitkan perkara 13 Mei itu sebagai kemungkinan, sebab itulah saya sebutkan perkara itu, mungkin akan berlaku, sebab dalam kumpulan-kumpulan itu sebarang kemungkinan akan berlaku. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dan saya akan teruskan hujah-hujah saya.

Seperti yang saya sebutkan permulaan tadi bahawa saya membataskan perbincangan saya ini kepada dua perkara iaitu cukai, hasil Kerajaan dan strategi Belanjawan 1985.

Pada tahun 1984 ini Kerajaan telah pun menetapkan tiga strategi bagi Belanjawan 1985. Pertamanya ialah untuk mengukuhkan imbalan pembayaran negara. Ini adalah sangat mustahak.

Pada pandangan saya untuk membaiki imbalan pembayaran ini Kerajaan perlulah menimbang semula untuk mengadakan satu pelabuhan bebas, kalau sekiranya boleh saya mencadangkan di Pulau

Langkawi yang sedang dibangunkan dengan begitu pesat kerana pelabuhan bebas cukai ini akan menarik ramai pelancong ke dalam negara kita. Sekarang ini ramai pelancong dari negara jiran terus ke Singapura untuk membeli belah dan kita telah kerugian hasil daripada keadaan itu. Dan apa yang berlaku disebabkan oleh kekurangan pelancong-pelancong itu juga hotel-hotel di Pulau Pinang sendiri telah begitu merosot perolehannya dan laporan-laporan daripada akhbar-akhbar yang kita dapat lihat kebelakangan ini menunjukkan pertandingan menurunkan harga yang begitu mendadak menyebabkan kekurangan pendapatan negara kita, pendapatan daripada hasil pelancongan itu amat berkurangan.

Salah satu sebab ketidakseimbangan pembayaran adalah kerana perbelanjaan yang tidak nampak sepertimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dalam Dewan yang mulia ini bahawa salah satu daripada perkaranya ialah mengenai pembelian insurans. Banyak syarikat yang membeli insurans di luar negeri bagi bangunan-bangunan atau kapal mereka yang mereka punyai. Dalam hal ini saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan supaya peraturan-peraturan diadakan bagi semua syarikat untuk membeli insurans, mengambil insurans daripada negara kita terlebih dahulu, tetapi jika sekiranya sudah tidak termampu syarikat-syarikat insurans kita untuk membiayai, maka bolehlah dibenarkan dengan kelulusan daripada pihak Kerajaan untuk membeli insurans daripada luar negeri. Saya mengharapkan kepada pihak Kerajaan supaya melancarkan kempen dengan segera untuk membeli barang-barang buatan tempatan supaya kita tidak perlu lagi bermegah dengan bahan-bahan buatan luar negeri.

Dalam perkara yang kedua iaitu strategi yang kedua iaitu mengukuhkan kedudukan Belanjawan Sektor Awam. Jadi dalam usaha untuk mempertahankan pertumbuhan ekonomik yang berkesan dan kestabilan kewangan negara, ini adalah satu strategi yang sepatutnya diberi pujian atas kesedaran Kerajaan untuk mengukuhkan kedudukan Belanjawan Sektor Awam ini.

Di dalam Dewan yang mulia ini kita dapat dengar tiap-tiap hari Ahli-ahli Dewan membahaskan mengenai OBA (Off-Budget Agencies). Saya hendak membuat sedikit teguran dalam perkara ini walaupun perkara itu telah pun berlaku, iaitu dalam perkara Bank Bumiputra Malaysia Berhad. BBMB perlulah disusun semula oleh pentadbiran baru supaya ianya tidak lagi akan menimbulkan perkara-perkara yang tidak diinginkan seperti skandal BMF. Kumpulan Ahli Lembaga Pengarah BBMB perlulah dikaji kedudukan mereka, jangan kita hanya melantik semua sekali daripada kalangan ahli-ahli perniagaan yang besar-besar, kerana pada pandangan saya di samping untuk menjaga kepentingan BBMB ahli-ahli Lembaga Pengarah yang mempunyai kepentingan peribadi di dalam perniagaan sendiri akan menggunakan kedudukan ini. Ini kemungkinan yang berlaku kepada BBMB sehingga menunjukkan kerugian hampir \$1 billion.

Saya sebutkan bahawa kemungkinan ini berlaku. Mungkin akan terjadi suatu kejadian di mana Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang mungkin akan mengatakan mereka mempunyai tugas untuk mengembangkan Bank Bumiputra ini ke luar negeri, memanglah suatu kenyataan. Tetapi mungkin perkara untuk Bank Bumiputra itu hanya dilakukan satu, dua hari dan tiga, empat hari yang lebih itu, yang baki itu adalah bertujuan untuk

mengembangkan perniagaannya sendiri dengan pembayaran yang penuh oleh Bank Bumiputra Malaysia Berhad.

Saya mendapat tahu bahawa boleh dikatakan semua cawangan-cawangan Bank Bumiputra yang agak lama dibuka telah pun mendapat keuntungan yang agak baik. Misalnya cawangan di Alor Setar mendapat keuntungan \$3 juta. Tetapi mengapakah apabila tiba peringkat yang lebih atas, pengurusan dan pentadbiran maka kerugian yang melibatkan hampir-hampir \$1 billion. Saya yakin bahawa kakitangan Bank Bumiputra ini bertugas dengan begitu baik demi untuk kepentingan satu institusi kewangan Bumiputera yang agung di negara ini. Tetapi kesalahan-kesalahan mungkin kita dapat letakkan kepada Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang tidak dapat menjalankan tugas dengan betul. Dan saya hendak menyebutkan juga bahawa salah seorang daripada Penasihat pada bank ini, salah seorang daripada penasihat kepada Bank Bumiputra ini mempunyai kuasa eksekutif di dalam "loan committee", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Satu hal yang menarik, yang istimewa bagi penasihat ini, ia mempunyai kuasa eksekutif di dalam jawatankuasa pinjaman bagi Bank Bumiputra Malaysia Berhad. Saya harap pihak pengurusan yang baru, mungkin PETRONAS akan melihat perkara ini dengan lebih mendalam dan mengkaji kedudukan-kedudukan yang berlaku.

Saya berharap supaya sepertimana yang diucapkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kaedah pengawasan dan pengurusan perbelanjaan tidak boleh dibezakan antara perbelanjaan Kerajaan dan perbelanjaan agensi-agensi di luar belanjawan. Kerana kedua-duanya memberi kesan yang

sama ke atas imbalan pembayaran dan kedudukan kewangan sektor awam. Ini satu kenyataan yang telah pun dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan saya berharap supaya perkara ini dapatlah dipergunakan dan dapatlah diperbaiki kedudukannya.

Jadi, di dalam soal ini saya hendak menyentuh sedikit mengenai penyata kewangan bagi agensi-agensi Kerajaan. Penyata Kewangan Tahun 1977 bagi Institut Teknologi MARA dibawa masuk ke Dewan yang mulia ini pada bulan Oktober, 1984. Institut Teknologi MARA ini kalau kita hendak lihat ialah satu badan yang memberi pelajaran kepada penuntut-penuntutnya bagaimanakah hendak memperbaiki akaun simpanan dan lain-lain perakaunan dan penuntut-penuntut yang keluar diberi diploma dalam bidang akaun tetapi akaun bagi Institut Teknologi MARA sendiri telah begitu terkebelakangan. Mungkin kalau dibiarkan oleh pihak Kerajaan, 10 tahun satu kali keluar. Ini adalah suatu yang amat tidak baik dan suatu peraturan yang tertentu haruslah diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah ini. Perintah Am Kerajaan yang biasa digunakan itu perlulah dikuatkuasakan supaya perkara ini tidaklah berulang lagi. Ini baru satu contoh yang dapat saya tengok. Banyak lagi contoh-contoh yang menyakitkan hati sepertimana ini yang dapat kita lihat dalam Dewan ini iaitu mengenai Penyata-penyata Kewangan yang tidak lengkap dan perbelanjaan yang tidak diluluskan sebagaimana berlaku pada MARDI lebih daripada \$23 juta ikut laporan yang dimasukkan kelmarin di dalam Dewan yang mulia ini.

Di dalam pembaziran wang negara, saya hendak menyebutkan sedikit soal keretapi. Saya hendak bertanya pihak Kerajaan adakah pihak Kerajaan mahu menggunakan perkhidmatan keretapi ini. Kalau sekiranya Kerajaan

mahu menggunakan perkhidmatan keretapi ini maka ianya perlu diperbaiki perkhidmatannya. Dan jika sekiranya tidak mahu bolehlah diberhentikan sahaja kerana ianya melibatkan perbelanjaan negara yang banyak dan saya dengar bahawa hampir \$500 juta terhutang. Keretapi ini berhutang kepada Kerajaan Persekutuan. Beberapa perkara penting perlu diteliti untuk melihat, untuk memberi nafas baru kepada keretapi. Kita menyanjungi perkhidmatan ini kerana ianya memberi perkhidmatan, bukanlah sumber keuntungan dan saya mengakui hakikat bahawa tidak ada sebarang keretapi nasional yang untung di dalam dunia ini tetapi sekurang-kurangnya ia tidak membebankan Kerajaan daripada segi perbelanjaan negara, itu maksud saya. Jadi, haruslah dikaji, diteliti, dilihat supaya ianya tidak berlaku. Setengah-tengah pegawai di Jabatan, mungkin saya tidak mahu hendak merujuk Jabatan berkenaan, yang menganggap bahawa mereka ini kawan rapat kepada Perdana Menteri. Jangan takut, duit saya boleh dapat. Ini perkataan yang pernah dikeluarkan. Duit boleh dapat, tetapi fikirkanlah bahawa duit ini bukan duit poket sendiri. Malahan adalah duit daripada rakyat yang perlu dibelanjakan kepada rakyat. Pertimbangkanlah, perkara ini perlulah dilihat, dikaji untuk dibaiki keadaannya.

Satu perkara lagi berkenaan pembaziran, saya masukkan dalam pembaziran wang negara ini ialah mengenai penggunaan pakar perunding, "consultant", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Mengenai penggunaan "consultant"; di dalam Dewan yang mulia ini Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri pernah menyatakan bahawa hanya projek-projek Kerajaan yang tinggi daripada segi teknikalnya yang sophisticated yang diberi kepada pakar perunding untuk

melakukannya. Saya hendak menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa saya mempunyai sekurang-kurangnya tiga kes projeknya begitu kecil tetapi pakar perunding digunakan ataupun sekurang-kurangnya kehendak untuk menggunakan pakar perunding ini diambil kira.

Pertamanya, pembinaan Plaza Tol Lebuhraya Karak, di mana pihak Jabatan Kerjaraya meminta \$8 juta kepada Kerajaan, Kementerian Kewangan khususnya, untuk membina Plaza Tol ini. Bila dipersoalkan oleh kakitangan Kementerian Kewangan mengapakah begitu besar perbelanjaannya, disebutkan salah satu daripadanya ialah perbelanjaan untuk pakar perunding ini. Untuk membina satu Plaza Tol terpaksa memakai pakar perunding? Seorang tukang kampung pun boleh melakukannya ini. Dan kita tidak boleh memikirkan bahawa ini boleh berlaku di dalam negara kita ini. Pada hal perbelanjaan yang sebenarnya yang diluluskan pada peringkat permulaan \$2 juta. Perbelanjaan sebenar adalah \$4 juta, \$4 juta lebih daripada permohonan asal. Ini adalah menunjukkan bahawa sebahagian daripada wang negara ini telah dipergunakan dengan sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak yang tertentu dan perbelanjaan yang tidak menentukan ini sepertimana consultant untuk membina Plaza Tol ini.

Perkara yang kedua saya hendak sebutkan bahawa pakar perunding ini dipergunakan kepada tempat yang tidak sesuai iaitu satu kajian sosial bagi sebuah kampung, Kampung Sungai Batang, Sik dalam kawasan Ulu Muda saya sendiri, di mana kampung itu akan ditenggelamkan kerana akan dibina sebuah empangan yang besar. Pakar perunding daripada Jepun dibawa untuk mengkaji masalah sosial masyarakat Melayu di Sungai

Batang, Sik, Kedah, satu perkara yang tidak boleh dipertimbangkan. Kita tidak fikir apakah mentaliti manusia yang memikir soal ini. Setelah itu, setelah pakar perunding ini diberi kerja, diberi tugas, dia menyerahkan tugas ini kepada pegawai-pegawai KEDA Negeri kedah untuk menjalankannya dengan bayaran sagu hati sebanyak \$600.00. Boleh jadi mereka (consaltant) mendapat sebanyak \$600,000. Adakah ini projek yang tinggi keknikalnya. Adakah sosiologis dalam negara kita ini berkurangan? Ahli-ahli kaji sosial kita yang ramai boleh menjalankan tugas ini.

Dan perkara ketiga yang pada pandangan saya tidak perlu kita gunakan pakar perunding iaitu untuk menentukan arah aliran jalan-jalan IADP road alignment, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua di Negeri Kedah untuk menentukan arah jalan di Daerah Baling, Sik dalam Negeri Kedah dipergunakan pakar perunding. Apakah perlu? Ini soalnya sebahagian besar pembaziran wang Kerajaan dibelanjakan kepada perkara-perkara yang tidak perlu. Maka perlulah Kerajaan melihat, mengkaji dan memperbaiki perkara-perkara ini supaya ianya tidak berlaku pada masa-masa yang akan datang.

Dalam perkara yang ketiga, iaitu objektif yang ketiga iaitu menggalakkan pertumbuhan sektor swasta. Perkara ini adalah

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Tuan Othman bin Abdul: Sedikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab banyak lagi yang hendak berucap. Saya mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain itu berucap janganlah lebih daripada 20 minit kerana kita hanya ada tiga hari lagi sahaja.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa objektif ini adalah baik menggalakkan perkembangan swasta ini patutlah digalakkan dan saya harap supaya jangan kita meninggalkan pelabur-pelabur tempatan—bumiputera-bumiputera tempatan yang berkelayakan dan mampu untuk masuk di dalam bidang ini. Saya berharap dalam bidang ini usaha Kerajaan menswastakan syarikat-syarikat Kerajaan sepertimana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk menjual saham kepada pekerja-pekerja iaitu seperti Syarikat Kulitkraf, Syarikat Osmeter dan Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan merupakan satu langkah yang baik untuk menjimatkan perbelanjaan Kerajaan.

Saya hendak sentuh sedikit, Tuan Yang di-Pertua, soal main-main di dalam TV Malaysia. Kerajaan secara tidak langsung telah pun mengeluarkan arahan ataupun tidak menggalakkan rakyatnya merokok, dengan itu iklan di TV pun dihentikan, iklan rokok. Yang saya katakan main-main ini, sekarang ini timbullah tali pinggang Dunhill, baju Dunhill dan majallah Winston, seolah-olah ahli masyarakat ini diperbodohkan oleh iklan TV, pada hal semua itu adalah bertujuan untuk mengasaskan bahawa kita kenal Winston, majallah itu adalah rokok Winston. Saya takut nanti ada baju Marlborough, baju Bensen and Hedges keluar dalam TV, jadi satu mainan yang tidak menentu. Saya harap pihak TV akan dapat mengkaji perkara ini balik dan janganlah memperbodoh-bodohkan ahli masyarakat dalam perkara ini.

Perkara yang kedua, mengenai TV ini saya hendak sebutkan iklan TV di Malaysia ini, kebanyakannya adalah berunsur keanak-anakan, iklan Chickedis, Choklet, Oh ya, saya tidak tahu apa maksudnya saya tidak tahu

apa benda makanan yang tidak boleh mendatangkan manfaat kepada kanak-kanak.

Saya hendak mencadangkan kepada TV Malaysia supaya dapat menjalankan ataupun menunjukkan iklan-iklan yang boleh menggambarkan atau menimbulkan inspirasi kepada ahli masyarakat. Saya contohkan bagi TV negara jiran, negeri Thai. Dalam iklan di negeri Thai—negeri-negeri Semenanjung sebelah utara dapat lihat, iklan cangkol Cap Buaya diiklankan dalam TV dan belatar belakangkan dengan tumbuhan yang menghijau buah-buahan yang baik, menimbulkan inspirasi kepada ahli masyarakat sebahagian besar negara pertanian ini untuk bertani. Kemudian itu diiklan Kubota (power tiller) untuk menimbulkan, untuk menggambarkan bahawa masyarakat petani itu adalah sebahagian daripada masyarakat penting. Dan kalau ditunjukkan jenis kenderaan van yang boleh membawa barang-barang menggambarkan soal perniagaan yang boleh dikembangkan, ini perlu difikirkan. Jangan hanya hendak mengumpulkan duit daripada iklan-iklan ini maka kita telah diperanak-anakkan, diperbudak-budakkan begitu sahaja.

Selepas daripada itu saya hendak sentuh sedikit sahaja mengenai TV ini juga iaitu Penerapan Nilai-nilai Islam. Saya hendak sentuh satu kejadian sahaja iaitu pada 25hb September 1984 selepas satu program Ehwat Semasa membincangkan Penerapan Nilai-nilai Islam, seorang Timbalan Menteri mengambil bahagian. Selepas sahaja daripada program itu terus ditunjukkan seorang wanita cantik sedang menyanyi, itulah cara Penerapan Nilai-nilai Islam mungkin yang diamalkan oleh TV Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit tentang pelajaran tetapi saya tidaklah hendak

menyentuh mengenai pelajaran di sekolah-sekolah dan lain-lain institusi pelajaran di negara ini tetapi apa yang hendak saya cakapkan ialah mengenai pengetahuan am ahli-ahli masyarakat terhadap undang-undang am di negara ini. Kerana pada pandangan saya kejahilan ahli-ahli masyarakat mengenai undang-undang ini berlaku di semua peringkat walaupun pada peringkat menengah (middle class) di negara ini. Hatta perjanjian jual beli (hire purchase agreement) ditandatangani tanpa difahami. Mengenai Perlembagaan misalnya tidak diketahui. Jadi, saya hendak mencadangkan supaya sebolehnya pengenalan kepada undang-undang negara ini perlulah diberikan pada peringkat awal di sekolah misalnya Tingkatan IV, V and VI supaya mereka itu selepas daripada tamat pengajian dapat mengetahui sedikit sebanyak mengenai undang-undang negara.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam langkah melihat kedudukan pentadbiran Kerajaan dalam Kementerian-kementerian, saya lihat ada satu badan iaitu Lembaga Pelesenan dan Pengangkutan Jalan yang diletakkan di bawah Kementerian Perusahaan Awam jadi satu Kementerian yang menjalankan pemberian lesen kepada kenderaan-kenderaan, yang lain-lain itu kegiatan-kegiatan bagi Kementerian ini tidak bersangkut pun dengan soal kenderaan.

Saya hendak mencadangkan supaya Lembaga Pelesenan dan Pangangkutan Jalan ini diletakkan di bawah Kementerian Pengangkutan dan ianya boleh diletak di bawah Jabatan Pengangkutan Jalan bagi memudahkan pentadbiran; satu Kementerian mengeluarkan lesen diperiksa, satu Kementerian mengeluarkan permit dan dilesenkan di satu jabatan sesuai dengan hasrat Kerajaan untuk menubuhkan one-stop agency.

Perkara yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, saya inginlah mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini bagi mengucapkan tahniah dan syabas terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah pun membuat ucapan yang begitu berani di bangsa-bangsa Bersatu yang telah menyentuh segala aspek dan pembangunan termasuklah perkara-perkara perkembangan Islam di dunia walaupun beliau tidak mendapat respect yang sepenuhnya di negara sendiri. Dengan itu saya menyokong Belanjawan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Batang Lupar.

4.55 *ptg.*

Datuk Edwin anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama menyokong Ucapan Belanjawan 1985 yang dibentangkan pada 19-10-84.

Mula-mula sekali saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang baharu dan tidak juga lupa mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai di Kementerian Kewangan yang telah bersungguh-sungguh menyediakan butir-butir yang tertentu pada tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini sangat murah hati dan amat besar memberi kesan pada segenap lapisan rakyat khususnya kepada negara keseluruhannya. Dan rakyat telah menyambut baik Ucapan Belanjawan 1985. Walaupun Kerajaan tidak dapat memberi jaminan yang penuh untuk melaksanakan semua rancangan yang dikehendaki oleh rakyat, Anggaran Belanjawan 1985 ini telah mencerminkan hasrat dan cita-cita Kerajaan yang berjiwa rakyat dalam konteks Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan sentiasa memelihara rakyat dan rakyat yang berbilang kaum dan keturunan di seluruh negara kita, juga penuh yakin bahawa peruntukan yang disediakan bagi tahun 1985 ini boleh memberi kemudahan kepada segenap lapisan rakyat tidak pilih bangsa dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum bahawa Malaysia sebuah negara yang bebas dalam Asia Tenggara ini dan juga boleh diambil kira ibu negara Kuala Lumpur ini sangat cepat di bidang pembangunan. Harapan rakyat bukan sahaja kawasan Kuala Lumpur ini perlu dibangunkan bahkan semua negara di dalam Malaysia. Kita lihat pembangunan jalanraya di Kuala Lumpur ini tahun demi tahun jalanraya akan bertambah banyak (highway), jalan dalam tanah dibuat di sana sini. Ini memang Dasar Pandang ke Timur kalau dibandingkan dengan negeri Sarawak. Contohnya, Tuan Yang di-Pertua, jalanraya dari Semenggang ke Sibu sejauh lebih 100 batu dan telah siap lebih 10 tahun dan dapat dilalui oleh motokar, lori, motosikal dan sebagainya. 18 tahun jalan tersebut dapat dilalui tetapi sehingga hari ini jalanraya itu belum lagi dapat ditar. Musim kemarau debu di sana sini, lubang kiri kanan, apa sebab Kerajaan Pusat tidak memandang ke negeri Sarawak.

Saya bukan menentang Kerajaan tetapi oleh kerana sebagai Ahli Dewan Rakyat dari Sarawak sungutan rakyat di Sarawak perlu dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini supaya Kerajaan Pusat dapat mengambil perhatian dengan seboleh-bolehnya kerana peruntukan wang untuk memperbaiki jalanraya mahupun jalan kecil peruntukan wang memang dari Kerajaan Pusat. Maka oleh sebab itu soal jalanraya adalah perlu disorkan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu kita baca suratkhbar bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah sentiasa mencari jalan yang baik dan lebih rapi berhubung dengan negara maju di seluruh dunia. Beliau juga sentiasa menyediakan program-program lawatan kepada pihak swasta ke negara maju untuk lawatan rundingan dan bertukar fikiran mengenai perdagangan di antarabangsa.

Malaysia sebuah negara yang sedang membangun dan perlu dikukuhkan dari masa ke semasa di bidang perdagangan di antarabangsa. Ini satu langkah yang diharapkan oleh segenep lapisan rakyat di seluruh negara. Program lawatan perlu dilanjutkan supaya hasil bahan-bahan dalam negara kita ini akan dapat dieksport dengan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan dasar Kerajaan yang sentiasa ingin membasmikan kemiskinan rakyat di negara kita ini, langkah untuk membasmikan kemiskinan ini bukan langkah yang baru dan bukan mudah, bahkan mengambil masa yang panjang. Soal kemiskinan ini tidak dapat dihapuskan bahkan di negara maju masih banyak terdapat kritik di antara rakyat dengan Kerajaan, kecuali kita mencari jalan untuk mengurangkan kemiskinan rakyat dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum bahawa asas ekonomi negara ialah pertanian dalam negara Malaysia dan ini satu punca Kerajaan bahawa pertanian adalah sebahagian besar bagi penduduk-penduduk luar bandar. Peruntukan yang disediakan dalam tahun 1985 ini adalah sebanyak \$1,445 juta. Rakyat khasnya kaum petani penuh harapan kepada Kerajaan dan Kerajaan juga harus meneruskan Dasar Pertanian dan strategi-strategi mengenai pertanian akan perlu diubah dari masa ke semasa.

Negara kita masih lagi jauh ketinggalan di bidang pertanian. Malaysia setiap tahun terpaksa mengimport beras dari luar negeri. Ini satu perkara yang amat penting dan akan perlu diambil perhatian dengan serius oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri supaya galakan penanaman padi di negara kita ini diteruskan. Perubahan sikap Dasar Pertanian perlu dipercepatkan bukan menjelang tahun 1986 atau tahun 2000. Kalau menjelang tahun 2000 bilakah negara Malaysia dapat mencukupi beras dalam negara kita ini? Ini satu soal kerana negara kita masih banyak terdapat tanah yang luas dan subur untuk menanam padi dengan cara besar-besaran ataupun galakan untuk menanam dua kali dalam setahun. Buat masa sekarang, khasnya di negeri Sarawak, belum lagi dapat mengeluarkan hasil tanaman padi dua kali dalam setahun, bahkan negeri Sarawak mempunyai tanah yang luas dan subur.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai pertanian di negeri Sarawak, saya telah berulang kali membangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Soal pertama, kita dapati ialah mengenai kekurangan wang diberi kepada Kerajaan Negeri, dan soal kedua ialah kekurangan pegawai yang mahir, juga termasuk soal jentera-jentera yang moden untuk melengkapkan Dasar Pertanian di negeri Sarawak. Saya harap bahawa Kerajaan Pusat akan dapat menitikberatkan atas perkara ini.

Mengenai masalah kaum petani di luar bandar, saya ingin menyentuh satu dua perkara yang saya agak perlu diambil perhatian oleh Kerajaan Persekutuan. Yang pertama ialah masalah tidak ada jalan ke kawasan pedalaman. Masalah tidak ada jalan ini amat penting kerana hasil pendapatan mereka tidak dapat dikeluarkan dengan sempurna. Kalau

kawasan itu menggunakan bot-bot, maka bayaran transport itu telah melambung tinggi dan perkara kekurangan jalan ini juga seringkali dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya masalah kekurangan jalan ke kawasan pendalaman ini tidak boleh dibiarkan, bahkan Kerajaan perlu bersungguh-sungguh menyiasat dengan lebih teliti. Saya dapati bahawa rakyat di kawasan pendalaman sentiasa sabar walaupun tidak ada jalan, tetapi kalau kita bandingkan dengan kemajuan di bandar-bandar, maka Kerajaan haruslah menggalakkan jalanraya ke kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini kita sering mendengar ucapan Ahli-ahli, khasnya Ahli-ahli Yang Berhormat yang mewakili kawasan luar bandar dan hujah-hujah yang dikeluarkan pun mengenai pembangunan luar bandar yang sentiasa tergendala dan kadangkala projek di kawasan luar bandar itu dibiarkan. Maka oleh sebab itu timbullah keraguan rakyat luar bandar dan perkara ini akan berulang kali kita bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini.

Sebagai Ahli Dewan Rakyat, kita haruslah menyampaikan perasaan rakyat, khasnya kesusahan kaum petani yang masih jauh ketinggalan di bidang pembangunan. Contohnya, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat di kawasan saya sendiri di bahagian Kedua, Sarawak, ada satu jalan yang telah tersusun di dalam Rancangan Malaysia Pertama tetapi sehingga hari ini jalan tersebut belum lagi dapat dilaksanakan. Jalan ini sejauh 10 batu sahaja dan penduduk-penduduk di kawasan tersebut hampir 6,000 dan mengandungi 2 buah sekolah rendah Kerajaan. Rakyat di kawasan tersebut juga sentiasa sabar. Walaupun demikian Kerajaan tidak

boleh membiarkan supaya sungutan orang ramai tidak berlaku di masa yang akan datang.

Saya sangat bimbang kerana walaupun masa sekarang rakyat di kawasan tersebut tidak dapat dipengaruhi oleh komunis, tetapi kalaulah jalan atau pembangunan di luar bandar yang tersusun dalam Rancangan Malaysia Pertama, Kedua dan Ketiga telah terbiar, saya rasa khuatir ini mungkin rakyat akan menyeleweng dan semasa pilihanraya kelak, rakyat akan menentang Kerajaan Barisan Nasional; boleh jadi kerusi itu jatuh kepada calon parti lain ataupun kepada calon Bebas. Oleh hal yang demikian, saya berharap bahawa Kerajaan Barisan perlulah menitikberatkan atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kaum petani di kawasan saya dianggarkan 100% menyokong Kerajaan Barisan Nasional. Walaupun dahulu iaitu dalam tahun enam puluhan sehingga tahun tujuh puluhan, mereka dapat dipengaruhi oleh anasir komunis jahat, tetapi buat masa sekarang anasir komunis di Sarawak telah dapat dikawal. Ini menentukan bahawa anasir komunis di Sarawak tidak dapat sokongan dari penduduk luar bandar. Komunis masih ada, mengikut laporan dari RASCOM, dalam Bahagian ketiga golongan tersebut bertambah kurang dan keselamatan di negeri Sarawak pun bertambah baik. Tetapi apa yang kita bimbang ialah kalau semua rancangan ke kawasan luar bandar telah terbiar, maka keselamatan tidak dapat terjamin, mungkin rakyat dapat dipengaruhi oleh anasir komunis dan jikalau perkara ini berlaku, maka Belanjawan kita lebih besar lagi diperuntukkan kepada Jabatan Keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun tujuh puluhan negara kita diancam oleh komunis dan belanjawan untuk menghapuskan komunis itu menelan

belanja berjuta-juta ringgit. Oleh hal yang demikian saya fikir sebelum hari hujan, kita perlulah menyediakan payung. Ini pendapat saya supaya Menteri yang bertanggungjawab mengambil perhatian yang berat di atas perkara ini. Kerajaan haruslah berhati-hati dan perlu memberi bantuan kepada rakyat yang tinggal di kawasan luar bandar. Strategi-strategi baru yang akan dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Kelima perlu dikaji dengan lebih teliti supaya rakyat yang tinggal di kawasan luar bandar tidak terpengaruh oleh anasir jahat ataupun oleh parti politik yang sering menghasut rakyat.

Selain dari itu, Kerajaan juga perlu menubuhkan satu rancangan baru seperti menubuhkan "Mini Town", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, perlu disediakan di kawasan luar bandar di mana kawasan itu terdapat lebih ramai penduduk-penduduk, supaya kaum petani yang tinggal berkelompok-kelompok di luar bandar akan dapat diatur dengan lebih sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya menubuhkan "Mini Town" di kawasan luar bandar amat penting kerana ianya akan dapat menjimatkan Belanjawan Kerajaan di masa akan datang, kerana Kerajaan lebih mudah menyediakan jalan, bekalan air, bekalan elektrik, klinik, sekolah dan sebagainya. Ini satu langkah yang amat perlu diambil perhatian oleh Kerajaan kerana langkah menubuhkan "Mini Town" di kawasan luar bandar iaitu bagi meningkatkan taraf hidup kaum petani di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum setelah Dasar Ekonomi Baru ini diperkenalkan kepada rakyat, maka rakyat keseluruhannya menyambut baik, termasuk pihak parti Pembangkang

juga menyambut baik langkah Kerajaan, kerana Dasar Ekonomi Baru ini berdasarkan bukan menguntungkan kepada pihak bumiputera sahaja, bahkan Dasar Ekonomi Baru ini menguntungkan kepada rakyat keseluruhannya. Tetapi kalau ditinjau ke belakang bahawa bumiputera adalah satu golongan yang begitu jauh ketinggalan sama ada di bidang ekonomi ataupun pelajaran. Maka dengan sebab itu pihak Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri perlu mengubah sikap Dasar Ekonomi Baru untuk membolehkan kehidupan rakyat yang masih jauh ketinggalan dan perlu menitikberatkan dengan lebih mendalam supaya kaum bumiputera di negara ini akan dapat mencapai bukan 30% bahkan 50% menjelang tahun 1990. Taksiran ini perlu dipercepatkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kelima yang akan datang yang bermula dalam tahun 1986, banyak rancangan akan perlu dibuat. Tetapi masih ada projek dalam Rancangan Malaysia Pertama dan ini mungkin Kerajaan tidak semata-mata bergantung dari pihak Kerjaraya. Pada pendapat saya iaitu di negeri Sarawak, pihak Jabatan Kerjaraya, walaupun sanggup membekalkan tetapi terdapat banyak projek dalam Rancangan Malaysia Pertama, Kedua dan Ketiga tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna sepertimana yang saya sebutkan di awal tadi. Pada masa sekarang saya dapati banyak kaum bumiputera telah mendapat lesen kontraktor kelas tinggi. Oleh sebab itu, semua rancangan kecil luar bandar perlulah ditumpukan kepada pihak kontraktor bumiputera iaitu umpamanya jalan itu menelan belanja di bawah satu juta ringgit dan kemudian selepas jalan itu siap nanti barulah kita berikan kepada pihak JKR mengambil untuk memperbaiki jalan tersebut. Ini satu langkah untuk mempercepatkan pembangunan jalan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, ingin saya di sini menyentuh sedikit berhubung dengan Laporan Audit Negara 1982/1983 mengenai peruntukan wang yang dipinjamkan kepada Majlis Tempatan di negeri Sarawak. Bagi bandar Kuching, Sibu dan Miri boleh diambil kira sebagai bandar-bandar yang sedang membangun dan keraguan rakyat dalam bahagian tersebut tidak ragu-ragu lagi. Tetapi bagi Majlis Daerah Tempatan yang lain, saya dapati seperti Majlis Tempatan Batang Lupar, Majlis Tempatan Lubuh Antu, Majlis Tempatan Seribas dan Majlis Daerah Kelaka dalam Bahagian Kedua, Sarawak, kemajuan di bawah Majlis tersebut akan diambil kira telah sama, kerana mengikut Laporan Audit Negara, Majlis tersebut tidak dapat menjalankan tugas dengan penuh. Majlis tersebut mempunyai masih banyak hutang iaitu mengikut kira-kira Audit tahun 1982/1983. Majlis tersebut juga berusaha bersungguh-sungguh untuk memungut tunggakan hasil tetapi masih terdapat hutang meningkat dari setahun ke setahun. Maka dengan sebab itu saya di sini mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan akan dapat memberi lebih besar lagi bantuan wang kepada Kerajaan Negeri supaya Majlis Daerah Tempatan di negeri Sarawak akan dapat meminjam wang untuk menjalankan tugas-tugas dengan sempurna di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, ingin saya di sini menyentuh satu perkara yang saya anggap penting dan selalu ditimbulkan oleh kaum Dayak Iban di luar bandar, iaitu mengenai susunan program murid-murid yang memasuki ke peringkat pelajaran tinggi, kerana perasaan rakyat khususnya kaum Dayak Iban tidak puas hati dengan susunan yang ada sekarang. Scholarship yang diberi kepada murid-murid kaum Dayak Iban sangat berkurangan. Dengan

sebab itu timbul perasaan tidak puas hati di kalangan kaum Dayak Iban.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 80an penduduk-penduduk kaum Dayak Iban masih lebih 30%, hampir 40% mengikut angka dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran di negeri Sarawak. Walaupun kalau diambil kira dalam Malaysia, bagi penduduk kaum Dayak Iban amat sangat kecil, tetapi kalau dibandingkan dengan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri atau Ahli-ahli Dewan Rakyat, kaum Dayak Iban juga masih lebih besar dari kaum yang lain di negeri Sarawak.

Contohnya Ahli-ahli kaum keturunan Dayak Iban dari Sarawak yang mewakili seluruh Sarawak dalam Dewan yang mulia ini pun lebih besar. Keturunan Dayak Iban ini bukan kira parti, 14 orang dalam Dewan yang mulia ini, keturunan kaum Cina 5 orang dan keturunan Melayu 5 orang. Maka oleh sebab itu sudah pasti bahawa penduduk-penduduk kaum Dayak Iban sangat besar dalam negeri Sarawak dan agihan murid-murid yang masuk ke universiti luar negeri atau universiti tempatan perlu diambil kira. Pembahagian atau agihan murid-murid kaum Dayak Iban perlu dikaji dengan lebih mendalam supaya perasaan Dayak Iban di negeri Sarawak akan puas hati.

Saya menyebut demikian oleh kerana kadang kala bantuan seperti agihan scholarship yang diberi kepada murid-murid kaum Dayak Iban di negeri Sarawak itu tidak mengikut dasar Kerajaan. Dengan sebab itu saya di sini mencadangkan supaya Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan dapat menitikberatkan atas perkara ini supaya susunan murid-murid keturunan Dayak Iban akan seimbang dan lebih teratur di masa akan datang. Keturunan Dayak Iban memang tinggal di kawasan luar bandar dan hasil mereka terdapat dari tanaman padi bukit sangat jauh

ketinggalan kalau dibandingkan dengan yang lain yang menanam padi di kawasan sawah dan mereka tidak dapat menghantar anak-anak mereka mengikuti pelajaran tinggi. Maka oleh sebab itu mereka berharap kepada Kerajaan supaya anak-anak mereka akan dapat menyambung pelajaran di universiti di luar negeri atau di universiti tempatan. Oleh hal yang demikian, saya berharap bahawa Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan dapat menimbang mengenai anak-anak petani yang sangat kurang pendapatan dari hasil menanam padi atau nelayan-nelayan di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perompak di negara kita kerana semakin hari semakin bertambah buruk di negara kita. Baru-baru ini kita baca dalam suratkhbar iaitu pada 19-10-84 bahawa 14 orang telah ditahan oleh pihak polis di Kuala Lumpur termasuk rakyat dari Indonesia. Dalam perkara rompak (robbery), Kerajaan perlulah berhati-hati dan mengkaji Akta Keselamatan supaya hukuman yang dijatuhkan kepada perompak di negara kita ini diperkuatkuasakan dengan lebih berat kerana kalaulah Akta Keselamatan kita tidak dipinda dengan lebih jelas, maka perompak-perompak mungkin bertambah di negara kita dan imej negara kita akan bertambah buruk. Kemudian pelancong dari luar atau dari dalam bimbang. Maka oleh sebab itu Akta Keselamatan di negara kita ini perlu dikaji dari masa ke semasa dan dikuatkuasakan untuk mengurangkan perompak-perompak di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan rakyat Indonesia yang masuk ke negara kita, dan kalau saya tidak silap bahawa banyak dari mereka telah mendapat lesen menjual buah-buahan atau makanan yang lain. Saya telah mendengar cerita ini di kedai kopi di Kuala Lumpur ini. Maka oleh sebab

itu saya bertanya kepada pihak yang berkenaan, cara-cara manakah Kerajaan mengeluarkan lesen kepada mereka. Kerana kalau rakyat Indonesia sudah menjadi warganegara, ini tidak menjadi masalah. Lesen mereka mestilah diberikan. Tetapi soalnya kalaulah bukan warganegara Malaysia, maka perkara ini perlu diambil perhatian. Dahulu masa Kerajaan mengadakan pilihanraya di negeri ini, kita minta tiap-tiap seorang warganegara di Malaysia mesti turun mengundi. Maka oleh sebab itu lesen perniagaan termasuk lesen jualan buah-buahan di negara kita ini perlu juga dikaji dengan mendalam supaya lesen-lesen sebelum ianya dikeluarkan kepada pemohon, perkara ini perlu disiasat dengan sehalus-halusnya kerana kita menjaga masa depan negara kita. Bahkan rakyat Malaysia sendiri sangat susah mendapatkan lesen. Oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya Akta Perlesenan di negeri ini perlu dikaji dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali ingin saya di sini menyentuh satu projek yang sangat besar dan menelan belanja beratus-ratus juta ringgit iaitu projek Hydro di Lubuk Antu di Sarawak.

Projek tersebut dijangka akan siap penghujung tahun ini dan saya di sini mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Pusat kerana dengan mengadakan projek yang besar itu hanya akan memberi lebih banyak kerja kepada rakyat tempatan. Kami di Sarawak berharap bahawa Kerajaan Pusat akan dapat menyiasatnya di kawasan yang lain di negeri Sarawak seperti di kawasan Bakun atau di Pelagus untuk hidro walaupun hidro ini telah menelan belanja yang lebih besar tetapi projek tersebut akan dapat menjimatkan belanja Kerajaan di masa yang akan datang dan kemudiannya juga kilang-kilang kecil ataupun kilang-kilang besar akan

bertambah banyak di masa depan kerana kuasa hidro ini lebih murah daripada kuasa elektrik yang ada sekarang. Dan oleh hal yang demikian, saya berharap Kerajaan Persekutuan akan dapat mempercepatkan dan menambahkan lagi hidro-hidro di negara Malaysia supaya ianya akan dapat menggalakkan fektori-fektori di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya duduk saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1985.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

5.21 ptg.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut membahaskan Belanjawan Persekutuan 1985 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 19hb Oktober yang baru lepas.

Tuan Yang di-Pertua, di antara kesan baik yang akan dirasakan oleh rakyat hasil daripada Belanjawan yang dibentangkan sekarang ini ialah menggerakkan daya pengeluaran dalam negeri dengan kadar yang lebih dari biasa sebagai hasil daripada tindakan-tindakan tertentu yang dilakukan di bahagian percukaian dan juga peruntukan-peruntukan yang banyak untuk tujuan itu

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta kuatkan sedikit suara.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat: Di antara kesan baik yang akan dirasakan oleh rakyat hasil daripada Belanjawan yang dibentangkan sekarang ini ialah menggerakkan daya pengeluaran dalam negeri dengan kadar yang lebih dari biasa sebagai

hasil daripada tindakan-tindakan tertentu yang dilakukan di bahagian percukaian dan juga peruntukan-peruntukan yang banyak untuk tujuan itu. Usaha ini amatlah baik dan telah diamal begitu lama oleh negara-negara membangun kerana selain dari mencetuskan keinginan bekerja dalam hati rakyat, serentak dengan itu usaha ini juga memastikan akan mempercepatkan pemindahan teknologi bagi memenuhi kehendak dan keperluan para pengguna di samping mengurangkan pengangguran di kalangan masyarakat dan yang penting lagi ialah menambahkan lagi taraf ketahanan negara pada keseluruhannya sekiranya ditakdir Allah berlakunya sesuatu hal yang tidak diingini dari angkara luar.

Tetapi ada beberapa hal negatif yang perlu diberi perhatian penuh. Yang pertama, akan berlaku penyeludupan yang lebih dari biasa kerana bagi rakyat Malaysia yang telah biasa dengan penggunaan barang-barang bermutu yang mudah didapati dari luar negeri mereka itu akan mudah merasa mual dan rendah diri bila terpaksa menggunakan barang-barang dalam negerinya sendiri yang biasanya rendah mutunya. Maka di sinilah peluang bagi golongan tertentu untuk menyeludup dan menyorok.

Yang kedua, akan berlaku kecuaiian dari pihak pengilang dalam negeri untuk menaikkan taraf mutu pengeluaran mereka kerana bila mereka terasa ada jaminan bahawa pengguna-pengguna tetap menggunakan barang-barang keluaran mereka setelah barang-barang luar terhenti atau berkurangan kerana kenaikan cukai maka keinginan untuk menaikkan mutu sebagai menyaingi dan menandingi barang-barang luar akan lenyap. Apa yang ada biasanya ialah kecuaiian dan mempalsukan barangan. Oleh itu pihak-pihak tertentu dalam jentera Kerajaan

seperti SIRIM dan sebagainya perlu melipatgandakan usaha mereka supaya kecuiaan dan pemalsuan dari para pengilang ini tidak bertambah dan pengawasan tentang pengkalan-pengkalan haram yang baru untuk kerja-kerja menyeludup perlu dikaji.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Belanjawan ini dibentangkan krisis BMF masih menghantui kepala rakyat. Kerana apabila disebut sahaja BMF ianya bertali dengan BBMB dan bertali pula dengan PNB dan berkait rapat pula dengan rakyat jelata yang melabur di dalam ASN dengan kadar yang begitu banyak. Walaupun BBMB (Bank Bumiputra Malaysia Berhad) sekarang telah dibebankan ke atas PETRONAS untuk mendukung biawak hidupnya ini tetapi bagi saya cara ini tidak lebih dari sekadar menyapu tepung tawar oleh seorang dukun sahaja bagi meredakan sekejap denyutan dari dalam. Ianya kalau dibiarkan maka bukan sahaja akan pecah menjadi kudis-kudis bisa tetapi tulang-temalang pesakit itu sendiri akan reput buruk menjadi barah yang amat merbahaya.

Tidak salah bila orang ramai baik di dalam atau di luar negeri membuat kesimpulan bahawa kalau negara kita ini boleh bertahan atau stabil sekejap maka bukanlah kerana kepintaran atau kebolehan para pemimpinnya tetapi kerana kebetulan negara ini dianugerah oleh Allah dengan buminya yang subur dan lautannya yang mengeluarkan petroleum percuma.

Maka tidak peliklah kalau Bank Bumiputra yang tunggal itu pun boleh bankrap dan hutang negara boleh berlonggok begitu banyak. Tambah pula dengan lagak para pemimpin negara yang pantang ditegur, ada-ada sahaja Akta yang ditawarkan. Sesungguhnya bayangan sengsara yang menimpa negara jiran di bawah pimpinan seorang bekas pemimpinnya

yang banyak slogan dan suka menjelajah ke luar negeri itu, bayangan itu masih terpaku dalam ingatan kita dan pasti boleh dijadikan teladan.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjemput untuk sama-sama berfikir mengikut cara lain iaitu oleh kerana Kerajaan sendiri telah pun mengadakan Bank Islam yang pada asasnya tidak menghalalkan riba (interest) kerana ianya memeras keringat golongan pekerja untuk memewahkan golongan yang telah mewah, maka tidak bolehkah kita sifatkan bahawa bala yang menimpa Bank Bumiputra ini sebagai satu takdir Illahi untuk kita musnahkan corak pengurusan ribawinya atau keribaannya dan disatukan pengurusannya dengan pengurusan Bank Islam walaupun masih terdapat kelemahan Bank Islam itu sendiri.

Memandangkan Bank Islam yang mengharamkan riba di samping meneruskan Bank Bumiputra yang menghalalkan riba serupalah mengadakan sebuah institusi untuk meningkatkan kecekapan polis dan tentera dan serentak dengan itu kita mengadakan juga sebuah institusi lain untuk meningkatkan kecekapan perompak dan lanun atau gurila. Satu kerja sia-sia yang bukan sahaja tidak masuk akal bahkan mencurigakan mentaliti para pemimpin itu sendiri.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, masalah debat. Mengadakan debat seperti yang diheboh-hebohkan seminggu dua ini memanglah lebih baik, 1000 kali ganda dari mengadakan Akta-akta, khususnya Akta ISA, yang ditujukan kepada pembangkang termasuk PAS kerana debat mendidik manusia menggunakan pemikiran dan mendorong mereka belajar dan mengkaji secara bersungguh-sungguh manakala Akta ISA mendidik manusia tunduk buta-tuli kepada manusia yang berkuasa bahkan untuk

menegur dan mengkritik orang lain menjadi tumpul dan takut. Akhirnya rakyat menjadi orang hutan yang diternak khusus untuk tujuan-tujuan sarkas bagi memainkan peranan-peranan tertentu sahaja.

Debat mengajar manusia menghormati ahli fikir dan kreatif lalu menjunjung naik orang-orang yang masih di bawah tetapi Akta tadi mengasuh manusia takut dan negatif kepada sesiapa yang berkuasa dan akhirnya dialah yang menjadi Tuhan yang perlu ditaati setia dan disembah. Akta memandang manusia hanya sebagai seketul daging dan seberkas tulang yang boleh dibuat apa sahaja, boleh dibuang ke sana atau dilempar ke sini kerana ketentuan salah atau tidaknya ditentukan oleh satu pihak sahaja, manakala debat ditentulah sepenuhnya oleh kedua-dua belah pihak. Pendeknya tidak ada agama langit dan tidak ada pemikiran waras dari bumi yang boleh merestui Akta yang boleh menurunkan taraf seorang insan yang dihormati oleh Allah semula jadi turun menjadi sebagai haiwan yang nasibnya ditentukan oleh sebelah pihak sahaja.

Kalau saya sekarang ini merestui debat maka serentak dengan itu saya sebagai ahli PAS mengutuk tindakan Kerajaan terhadap orang-orang PAS yang baru-baru ini dikenakan lagi tindakan di bawah Akta ISA sepertimana kutukan yang pernah dibuat sejak tahun 60an dahulu lagi. Walaupun mereka itu bukan Malaikat yang maksum dari kesalahan tetapi mereka itu ada otak tahu berfikir dan membela diri di hadapan mahkamah terbuka. Kalau Kerajaan pernah melafazkan kata-kata bahawa Kerajaan tidak akan meminta maaf di atas tindakannya itu tetapi sebelah mereka itu pun begitu juga tidak akan memberi maaf sezarah pun kepada pihak yang bertindak. Siapa sahaja yang membaca sejarah Kerajaan

Islam mereka akan dapati bahawa pasangan Ghamadiyah Al-Aslami yang telah berzina itu telah datang secara sukarela menyerah diri supaya pihak yang berkuasa bertindak ke atasnya. Walaupun dia yakin akan menemui maut, tetapi ini bukan kerana orang gerunkan siksa hukuman Islam, tetapi orang berpuas hati dengan keadilan, kebebasan dia dikurniakan oleh Islam.

Berbalik kepada debat, maka satu jawapan yang mesti diakui bersama iaitu bahawa kesan daripada beberapa Akta yang diharapkan selama ini boleh melenyapkan pengaruh parti Pembangkang nampaknya telah jadi terbalik. Misalnya, Akta mengharamkan Allah-Muhammad di bendera PAS, Akta mengharamkan Bulan-Bintang, Akta mengharamkan bacaan beberapa ayat suci Al-Quran dalam suasana-suasana tertentu dan lain-lain lagi, Alhamdulillah nampaknya tidak dapat berbuat apa-apa. Pengaruh Islam melaluiharakah Islamiah telah terus berkembang dan bertapak di sanubari rakyat hingga mahu tidak mahu pihak Kerajaan menganggap PAS sekarang sudah sama padan, sama besar dan sama gagah, kalau tidak begitu masakanlah ia diajak bersemuka untuk berdebat. Kalau debat dalam mahkamah ataupun disebut berhujjah dan berguam dalam mahkamah boleh menyelesaikan sesuatu krisis di kalangan anggota masyarakat, maka debat yang dicadang ini pun begitulah diharap-harapkan. Manusia yang insaf pasti tunduk kepada yang hak, kerana di antara nama Allah yang 99 itu terdapat perkataan "Al-Haq" (Kebenaran) dan tidak ada yang hak selain daripada apa yang datang daripada Allah s.w.t. sebagaimana dalam surah Al-Kafi yang bermaksud: Katalah kebenaran itu pasti datang daripada Tuhanmu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah.

5.32 *ptg.*

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim (Kuala Kedah): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut mengambil bahagian di dalam perbincangan Belanjawan bagi tahun 1985 yang telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 19-10-1984 yang lalu.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Kerajaan yang telah dapat menyediakan Belanjawan 1985 yang pragmatis dan sesuai dengan keadaan ekonomi negara pada masa kini. Dalam keadaan kemelesetan ekonomi adalah penting Kerajaan menitikberatkan kepada cara-cara untuk memulihkan semula ekonomi supaya tidak terperangkap dalam keadaan di mana sukar untuk memulihkan keadaan ekonomi negara semula.

Selaras dengan dasar Pensewastaan dan Persyarikatan Malaysia, maka masanya telah tiba supaya pihak swasta mengambil peranan yang lebih utama dalam pembangunan negara. Peruntukan pembangunan bagi sektor awam telah dikurangkan kepada \$7,653 juta untuk memberikan peluang kepada sektor swasta meningkatkan aktiviti mereka selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan negara Malaysia sebuah negara yang maju dan moden.

Dalam dekad yang lepas iaitu dari tahun-tahun 1970an Kerajaan telah membelanjakan beribu-ribu juta ringgit untuk menyediakan infrastruktur, memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan, meningkatkan bidang penyelidikan dan membuka jalan bagi pihak swasta menceburkan diri dalam bidang-bidang ekonomi. Masanya telah sampai supaya pihak Kerajaan menumpukan perhatian kepada

perkara-perkara perkhidmatan, keselamatan untuk memberi peluang kepada pihak swasta memainkan peranan yang lebih utama dalam membangun ekonomi negara. Strategi ini adalah wajar kerana pihak Kerajaan tidak boleh terus memainkan peranan yang sepatutnya dijalankan oleh pihak swasta.

Keyakinan Kerajaan dalam sistem ekonomi bebas dan dengan bimbingan Kerajaan pihak swasta dapat memulihkan ekonomi dengan meningkatkan pelaburannya.

Sistem pengurusan dalam pihak swasta adalah lebih cekap, terutama sekali dalam bidang perniagaan dan sewajarnya bidang-bidang perniagaan ini diberi perhatian berat oleh pihak swasta sementara pihak Kerajaan sewajarnya mengundurkannya ke peringkat demi peringkat untuk memberi peluang yang lebih kepada pihak swasta. Strategi ini juga adalah penting untuk mengurangkan beban Kerajaan menanggung bayaran pinjaman dari dalam dan luar negeri.

Saya suka mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah dapat mengawal keadaan hutang negara sebelum ianya menjadi beban yang boleh melumpuhkan pembangunan ekonomi negara.

Melalui strategi Persyarikatan Malaysia adalah penting supaya pihak swasta mara ke hadapan menyahut seruan Kerajaan itu, dengan pengurangan peruntukan pembangunan dari pihak awam maka akan menjadi tanggungjawab pihak swasta memenuhi kekosongan yang telah timbul itu. Tanpa penglibatan yang serius daripada pihak swasta, maka ekonomi negara akan menjadi lebih buruk dan akan merugikan semua pihak. Dengan ini, saya suka menyeru kepada pihak swasta supaya tampil ke hadapan menyahut seruan Kerajaan itu. Pihak swasta tidak boleh

lagi mengutarakan dalil bahawa Kerajaan tidak memberi peluang pelaburan kepada mereka.

Berbagai bidang ekonomi telah diserahkan kepada pihak swasta dalam konteks dasar penswastaan yang dianjurkan oleh Kerajaan. Pemulihan ekonomi negara tidak akan dapat dicapai tanpa sokongan dan perhatian pihak swasta, lebih-lebih lagi dalam konteks strategi belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik cadangan yang telah pun dibuat oleh pihak Kerajaan yang telah memberi perhatian berat kepada sektor pertanian. Peruntukan pembangunan untuk sektor pertanian telah ditambah kepada \$1,445 juta. Ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan tidak mengabaikan sektor pertanian di mana kita sedia maklum masih terdapat masalah kemiskinan di kalangan petani dan nelayan. Penumpuan kepada sektor pertanian memanglah penting bagi negara kita, dengan peruntukan yang sebegitu banyak bagi sektor pertanian, maka harapan untuk memulihkan sektor ini nampaknya sangat cerah. Walau bagaimanapun, sukaulah saya menegaskan di sini bahawa pihak-pihak yang terlibat dalam perancangan sektor pertanian hendaklah berhati-hati menggubal dasar dan strategi yang sejajar dengan kehendak masyarakat petani dan nelayan. Jika sekiranya program-program yang akan dilaksanakan tidak dirancang sebegitu teliti dengan mengambilkira kehendak petani dan nelayan, maka dengan yang demikian program-program yang dilaksanakan itu tidak disambut dengan baik oleh kumpulan sasaran. Bagi memulihkan sektor pertanian sudah pastilah sedikit sebanyak unsur-unsur insentif dan subsidi perlu diberi kepada sektor ini. Sektor-sektor pertanian di negara-negara maju

seperti Amerika Syarikat, negara-negara E.E.C. dan Jepun terpaksa juga diberi subsidi yang banyak untuk pembangunan sektor pertanian ini. Walau bagaimanapun, saya sukaulah mencadangkan supaya unsur-unsur insentif dan subsidi yang hendak diberikan kepada sektor pertanian perlu juga dikaji dan dianalisa secara terperinci. Kita juga tidak mahu petani dan nelayan terperangkap dalam putaran kemiskinan kerana mereka terpaksa bergantung kepada subsidi. Kita tidak mahu rakyat Malaysia menjadi rakyat subsidi di mana tidak ada kegiatan yang boleh dibuat tanpa subsidi, sikap sedemikian perlu dikikis dan diketepikan oleh petani dan nelayan.

Saya berharap Kementerian berkenaan akan dapat mengkaji supaya insentif dan subsidi yang diberi kepada sektor pertanian betul-betul dapat mencapai matlamat pemberian subsidi itu. Justeru daripada itu adalah penting subsidi hanya diberi untuk menggalakkan kumpulan sasaran meningkatkan dayausaha mereka.

Tuan Yang di-Pertua, ingin juga saya menyentuh mengenai struktur cukai pendapatan yang telah dicadangkan oleh Kerajaan baru-baru ini. Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memulihkan pertumbuhan ekonomi negara, maka struktur cukai pendapatan juga telah diubah sedemikian rupa. Harapan Kerajaan ialah supaya dengan adanya tambahan pendapatan melalui pengurangan cukai maka permintaan akan meningkat. Melalui peningkatan permintaan itu, maka industri-industri tempatan yang mengeluarkan barangan pengguna misalnya akan dapat meningkatkan pasaran mereka.

Saya suka menarik perhatian Kerajaan bahawa andaian ini akan hanya tercapai jika sekiranya Kerajaan dapat memastikan supaya tambahan wang ringgit itu tidak akan

keluar daripada negara kita. Saya khuatir di kalangan mereka yang berpendapatan tinggi ada juga yang tidak begitu memberi sokongan kepada barangan keluaran tempatan. Lazimnya mereka yang berpendapatan tinggi dalam kadar cukai kategori 50% mempunyai cita rasa dan selera yang agak berbeza daripada golongan yang berpendapatan rendah. Dengan kelonggaran cukai itu saya berharap golongan ini sedar dan insaf bahawa mereka perlu menunjukkan teladan yang baik dengan memberi perhatian kepada barang-barang tempatan khususnya. Saya khuatir golongan ini mungkin tidak akan membelanjakan wang ringgit mereka dalam negeri, tetapi sebaliknya akan menggunakan wang tambahan itu di luar negeri. Jika keadaan ini berkekalan, maka sudah tentu hasrat Kerajaan untuk memulihkan ekonomi dengan menurunkan cukai pendapatan tidak akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap dasar Kerajaan di dalam Belanjawan 1985 untuk mengurangkan kadar cukai pendapatan akan menggalakkan simpanan wang yang berlebihan oleh rakyat dan seterusnya menambah pelaburan sebagai hasrat Kerajaan untuk pertumbuhan ekonomi negara. Walau bagaimanapun, saya rasa hasil dasar itu tidak dapat diperolehi dalam tahun 1985 oleh sebab satu-satu pelaburan akan mengambil masa untuk mencapai matlamat yang dicadangkan. Pada pendapat saya dasar ini perlu diteruskan dan bukan untuk satu atau dua tahun sahaja.

Di samping itu, saya suka juga memberi pandangan bahawa struktur cukai yang dicadangkan itu jika tidak dikawal dengan rapi akan mengakibatkan gejala yang tidak baik di mana jurang pendapatan di antara golongan yang berpendapatan rendah dan golongan yang berpendapatan

tinggi akan terus menjadi lebih buruk. Dengan demikian, saya berpendapat Kerajaan perlu memberi bantuan yang lebih kepada golongan yang berpendapatan rendah, terutama sekali dalam aspek-aspek perumahan, kesihatan dan pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, jelas sekali daripada cadangan Belanjawan 1985 itu menunjukkan ciri-ciri di mana Kerajaan berhasrat untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Hasrat Kerajaan itu tidak akan tercapai jika sekiranya rakyat tidak betul-betul faham dengan konsep, dasar dan strategi Kerajaan. Dengan demikian adalah penting supaya Kementerian Penerangan mengambil daya usaha yang lebih gigih untuk menyampaikan maklumat-maklumat secara sistematik kepada rakyat. Seterusnya, adalah juga penting di pihak rakyat sendiri menyahut baik saranan Kerajaan dan menggembelingkan tenaga untuk mewujudkan satu negara yang maju dan makmur. Matlamat ini tidak akan tercapai jika rakyat sendiri tidak sanggup bekerja keras untuk meningkatkan daya usaha mereka. Saranan ini adalah penting, terutama sekali bagi masyarakat petani dan nelayan yang perlu mengubah cara kehidupan mereka dan seterusnya cara pemikiran.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Ucapan Belanjawan 1985. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Seremban.

5.44 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi sedikit pandangan berkenaan dengan Budget 1985.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan defisit dalam current account semasa secara deras dan mencemaskan telah

pada akhirnya menginsafi Kerajaan. Dua minggu sebelum hari Belanjawan, iaitu pada 5hb Oktober, Ringgit kita berada di bawah tekanan kerana bimbang nilainya akan menurun dan ia hampir menurun 3 mata berbanding dengan Dollar Amerika Syarikat. Penjualan Ringgit kita pasti akan mendorong Menteri Kewangan baru kita memberi perhatian yang lebih kepada defisit akaun semasa yang tinggi.

Pada tahun 1982 defisit akaun semasa kita adalah sebanyak \$7.3 billion dan tahun 1983 \$7.12 billion dan \$5.4 billion dalam tahun 1984, tahun ini. Rakyat mendapati sukar untuk memahami keadaan ini kerana bagaimanakah sebuah negara yang mempunyai sumber-sumber seperti getah, bijih timah, kayu balak, minyak kelapa sawit, petroleum dan kini gas boleh mengalami defisit yang begitu besar. Jawapannya ialah defisit tidak ketara (invisibles) di mana bayaran hutang merupakan sebahagian besar wang tidak ketara ini.

Untuk membiayai jurang defisit ini dengan negara-negara lain, Kerajaan telah memilih untuk meminjam dari luar, akibat ini hutang negara telah meningkat kedua-dua hutang dalam dan di luar negeri. Laporan Bank Negara bagi tahun 1983 menunjukkan bahawa pinjaman luar kita untuk tahun 1983 akan sampai sehingga \$31 billion dengan mencampur defisit akaun semasa sebanyak \$5.2 billion bagi tahun ini, hutang luar kita akan berjumlah sebanyak \$36 billion pada akhir tahun 1984.

Angka-angka mengenai defisit akaun tidak ketara akan menunjukkan betapa besarnya dari hal bayaran hutang (debt servicing) kepada peminjam-peminjam asing kerana pembayaran hutang merupakan sebahagian besar daripada akaun tidak ketara. Dalam tahun 1964 defisit hanya \$321 juta, tahun 1974 sebanyak

\$1,719 juta, tahun 1983 pula sebanyak \$8.5 billion dan untuk tahun 1984 ini pula sebanyak \$9.887 billion. Sekiranya faedah sebanyak 10% terpaksa dibayar kepada peminjam-peminjam asing ini, ia akan melibatkan sekurang-kurangnya \$3.1 billion, tidak termasuk bayaran pokok (principal).

Kita mempunyai masalah pembayaran hutang yang serius. Dalam tahun 1985, bagi setiap ringgit yang diterima dalam bentuk hasil, kira-kira 20 sen terpaksa dibelanja untuk membayar hutang. Dalam erti katanya, pinjaman pula dalam tahun 1984 sahaja 58 sen daripada setiap ringgit yang dipinjam barunya akan digunakan untuk membayar hutang-hutang lama. Maka dengan sebab itu, kecuali satu sekatan yang tegas dikenakan ke atas perbelanjaan awam dan pinjaman-pinjaman baru dikurangkan kepada tahap minima, kemungkinan menggunakan 100% daripada pinjaman-pinjaman baru untuk membayar balik pinjaman-pinjaman lama adalah nyata.

Strategi Menteri Kewangan untuk mengurangkan defisit akaun semasa adalah dialu-alukan dan kita berharap langkah-langkah ini tidaklah terlambat. Beliau telah mengurangkan perbelanjaan sektor awam, tetapi tidak menyebut apa-apa langkah spesifik untuk mengawal serta mengawal perbelanjaan oleh Kementerian-kementerian, Kerajaan-kerajaan Negeri serta agensi-agensi di luar Belanjawan (OBA). Beliau juga telah melahirkan harapan bahawa sektor swasta akan memainkan peranan yang lebih cergas dalam pembangunan, tetapi sekali lagi beliau tidak memberi butir-butir lanjut.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan perubahan dalam struktur cukai, kita hendaklah adil terhadap orang-orang miskin, bukan sahaja orang-orang kaya dengan harapan pemimpin-pemimpin dalam bidang perdagangan

dan perindustrian akan bekerja dengan lebih kuat serta melabur dalam negara. Cukai persendirian dan harta pesaka telah disusun semula semata-mata untuk keuntungan mereka, sementara wage earners' yang bekerja di pejabat, kilang dan kedai telah pada keseluruhannya diabaikan.

Haruslah diingati bahawa penggalakkan ekonomi dan peningkatan ekonomi memerlukan kerjasama semua pihak sama ada para pengusahawan (industrialists) atau pekerja, pengurus-pengurus atau kakitangan pejabat. Seorang pekerja yang beristeri adalah sebagai contoh saya beri sekarang, Tuan Yang di-Pertua, di mana kita ingat orang-orang pekerja diabaikan. Saya akan memberi beberapa contoh.

Seorang pekerja yang beristeri yang mempunyai seorang anak dan menerima \$1,200 sebulan akan membayar \$321 di bawah struktur cukai lama dan \$299 di bawah struktur baru, pengurangan sebanyak \$32 atau 10% cukai lamanya. Seorang pekerja lain yang menerima \$1,700 sebulan yang membayar \$1,113 pada masa sekarang akan membayar \$1,062 di bawah struktur baru. Pengurangan cukainya ialah \$51 yang hanya kurang 5% daripada cukai yang dibayarkannya dahulu.

Tetapi di bawah struktur baru cukai ini seorang eksekutif atau profesional yang menerima gaji bulanan sebanyak \$20,000 sebulan akan dikehendaki membayar hanya \$78,500 berbanding dengan \$117,000 dahulu dan ini adalah penjimatan sebanyak \$38,500 atau 33% daripada cukai lama.

Seorang pekerja yang berpendapatan rendah menikmati pengurangan cukai sebanyak 5% hingga 10% sementara orang-orang kaya menikmati 33% atau lebih. Ini adalah tidak adil dan melebarkan jurang di antara orang-orang kaya dan miskin. Golongan berpendapatan

rendah yang juga adalah sama penting bagi kemajuan ekonomi negara hendaklah menikmati kadar pengurangan cukai yang sama seperti eksekutif atau profesional berpendapatan tinggi.

Ketika menghadapi inflasi dan kos hidup yang tinggi, pengecualian persendirian bagi suami-isteri patutnya ditambahkan. Peninggalkan ini adalah dikesalkan. Mengikut pandangan saya, atas sebab ini wage earners yang berada di bawah income tax bracket hendaklah dikecualikan daripada cukai persendirian. Seorang pekerja yang menerima gaji sebanyak \$1,500 sebulan hanya mampu menyara isteri dan dua orang anak serta membayar ansuran bulanan terhadap sebuah rumah kecil. Pendapatan hendaklah membenarkan ia menikmati satu taraf hidup yang boleh diterima atau menasabah tanpa diganggu oleh cukai pendapatan persendirian. Sebenarnya beliau membayar cukai walaupun dengan cara tidak langsung menerusi cukai jualan dan duti import ke atas barang-barang pengguna. Saya menyeru Menteri Kewangan memberi layanan yang lebih adil kepada orang-orang miskin dan golongan-golongan berpendapatan rendah dengan memberikan mereka pengurangan cukai yang tinggi serta pengecualian persendirian (personal relief) yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan duti-duti tinggi ke atas kereta-kereta CKD, ini pun adalah satu pukulan kepada orang yang tidak kaya. Duti ke atas kereta-kereta CKD yang lebih 1300 c.c.nya dari 30% kepada 40% adalah counter-productive dan akan menempatkan pembelian kereta di luar kemampuan golongan berpendapatan rendah seperti ahli-ahli perniagaan kecil (petty traders), kakitangan pejabat, guru-guru dan kakitangan Kerajaan juga.

Pada tahun 1982 kos sebuah kereta 1300 c.c., kereta kecil adalah sebanyak \$15,000 (tidak termasuk cukai jalan, pendaftaran dan insurans). Selepas duti import ke atas kereta-kereta CKD dinaikkan sebanyak 10% tahun lalu, harga kereta 1300 c.c. itu telah menambah ke \$19,300. Dengan naiknya harga kereta kadar penjualan kereta pun menurun. Ada kemungkinan penjualan kereta akan menurun lagi dengan bertambahnya duti import sebanyak 10% seperti dicadangkan dalam Belanjawan 1985, dan beberapa pihak yang mendakwa bahawa Kerajaan sengaja menyebabkan harga kereta melambung naik sehingga ia tidak boleh dijual disebabkan harga terlalu tinggi. Tidak lama lagi hanya orang-orang kaya dan eksekutif-eksekutif kanan serta ahli-ahli perniagaan yang kaya sahaja mampu membeli sebuah kereta, itu pun kereta kecil sahaja.

Kita semua sedia maklum bahawa kenaikan duti import ke atas kereta-kereta CKD ini adalah semata-mata untuk melindungi kereta Proton Saga tetapi apakah ini harus dibuat dengan menghukum (penalise) pengguna-pengguna serta menafikan mereka satu keperluan iaitu pengangkutan untuk menghantar anak-anaknya ke sekolah, untuk kerja serta membolehkan seorang ahli perniagaan kecil bergerak di sana sini.

Seorang ahli perniagaan kecil yang mendapat pendapatan \$1,500 sebulan pasti tidak mampu membeli sebuah kereta kecil mengikut harga sekarang. Tanpa kereta perniagaannya akan terjejas. Menteri Kewangan mahu pelaburan swasta bergerak dengan sepenuhnya tetapi langkah-langkah perlindungan bagi Proton Saga adalah bertentangan dengan strategi Belanjawannya. Adalah tidak bijak untuk menaikkan pasaran kereta yang sudah pun lama dan memaksa peniaga-peniaga kereta bergulung tikar. Menteri Kewangan telah

bersifat simpatetik terhadap perusahaan tembakau dan arak kerana adalah difikirkan cukai-cukai ke atasnya adalah terlalu tinggi dan dengan sebab itu counter-productive. Alasan yang sama boleh juga diberikan kepada perusahaan kereta. Kerana menurut beliau, saya quote di sini, Tuan Yang di-Pertua, "oleh kerana duti yang tinggi telah pun mengurangkan kadar pertumbuhan hasil, saya fikir adalah tidak perlu duti ke atas barang-barang ini dinaikkan pada tahun ini",

Tuan Yang di-Pertua, keadaan yang diperlukan untuk menggalakkan pelaburan swasta seperti beberapa perkara conditions di sini, Tuan Yang di-Pertua, seorang entrepreneur baik kecil atau besar adalah seorang yang sensitif dan sentiasa berhati-hati. Beliau dapat melihat di sebalik apa yang ditulis dalam risalah-risalah perdagangan yang indah itu. Beliau menghendaki perlindungan untuk wangnya dan apa-apa risiko yang diambilnya adalah dalam lingkungan perniagaan biasa. Beliau mahukan pemulangan yang menasabah atas pelaburannya dan itu pun dalam tempoh masa yang tertentu.

Pengwujudan iklim pelaburan (investment climate) bagi entrepreneur bukanlah mudah dan Menteri Kewangan telah mengatakan bahawa sebuah badan khas yang mengandungi pakar-pakar asing dan tempatan sedang mengkaji masalah tersebut dan akan membentangkan laporannya. Pengkajian ini tidaklah seharusnya dilambatkan kerana apa-apa langkah-langkah yang dicadangkan oleh badan tersebut pasti akan mengambil masa sebelum hasilnya dapat dilihat.

Pertimbangan pertama serta yang paling penting bagi seorang pelabur asing atau tempatan ialah mutu iklim politik yang tetap. Kestabilan politik memberikannya jaminan bahawa

pelaburannya adalah dilindungi. Maka dengan sebab itu adalah penting Kerajaan yang memerintah menentukan terdapat keadilan politik, ekonomi, kebudayaan dan pelajaran di negara ini. Pendekatan mana-mana dasar hendaklah bersifat berbilang kaum kerana ini adalah sebuah negara berbilang kaum dengan berbagai bahasa, kebudayaan dan agama. Untuk memastikannya terdapat rasa keselamatan politik dan ekonomi di seluruh negara maka tidak satu kaum pun harus mengenakan kemahuannya ke atas orang-orang lain sama ada dalam bidang politik, ekonomi, budaya atau agama.

Sejak beberapa tahun ini Kerajaan telah menggesa sektor swasta melabur dengan lebih banyak tetapi para entrepreneur begitu keberatan berbuat demikian kerana mereka berasa tidak selamat. Mereka bimbang akan wujudnya polarisasi kaum dan cadangan Kerajaan Negeri Melaka untuk merata Bukit Cina yang merupakan warisan negara yang dikasihi oleh rakyat Malaysia keturunan Cina.

Pelabur-pelabur tempatan bertanya, di manakah letaknya masa depan saya sekiranya warisan dan akar umbi saya dilucut daripada saya.

Percubaan yang serius hendaklah dilakukan untuk menghapuskan polarisasi kaum kerana perpaduan negara adalah penting dan merupakan pra-syarat bagi satu iklim pelaburan yang lebih menarik.

Tuan Yang di-Pertua, pertimbangan lain yang perlu ialah matawang yang kukuh, seorang pelabur tidak ingin melihat pelaburannya di negara ini turun nilainya kerana matawang yang tidak kukuh dan beliau lebih menyukai nilai-nilai asset-assetnya meningkat tahun demi tahun. Kita lihat berjuta-juta ringgit dijual pada 5hb Oktober kerana takut matawang Malaysia akan turun nilainya

(devaluation). Ketakutan ini juga akan menyebabkan pengaliran wang keluar negeri untuk dilaburkan atau untuk membeli matawang-matawang lain yang kukuh. Kebimbangan mengenai devaluation hanya boleh dihapuskan apabila defisit akaun semasa dikurangkan kepada tahap yang boleh diterima yang tidak akan mencemaskan kalangan kewangan antarabangsa.

Ketiga, conditionnya, Tuan Yang di-Pertua, simpanan (national saving) haruslah digalakkan. Saya hairan Belanjawan ini tidak mempunyai apa-apa cadangan untuk menaikkan caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja oleh kedua-dua majikan dan pekerja kerana KWSP adalah sumber kewangan tradisional untuk pelaburan dan ia akan mengurangkan keperluan untuk meminjam dari sumber-sumber asing.

Orang awam harus digalakkan untuk menyimpan lebih dan mereka akan berbuat demikian sekiranya faedah ke atas simpanan-simpanan mereka dalam bank-bank dan institusi-institusi kewangan dikecualikan daripada cukai, "tax free", Tuan Yang di-Pertua.

Orang-orang Jepun menikmati dividen yang bebas daripada cukai sehingga \$30 ribu dan ini adalah salah satu sebab mengapa Jepun mempunyai nisbah simpanan yang tertinggi sekali dalam dunia. Disebabkan defisit akaun semasa negara kita sudah sampai ke peringkat yang mencemaskan, maka Menteri berkenaan hendaklah menimbang untuk memberi konsesi cukai yang sama kepada penyimpan-penyimpan tempatan.

Saya juga mencadangkan supaya duti setem sebanyak 4.5% yang dikenakan ke atas simpanan tetap dikurangkan kepada kadarnya dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, ramai pelabur-pelabur mengadu bahawa sektor perdagangan dan perusahaan terlalu, dengan izin, "over-regulated" dan ini menghalang bakal pelabur-pelabur serta menjejaskan enterprise-enterprise yang wujud kini. Sikap birokrasi hendaklah diubah dan mereka hendaklah memberi bantuan yang lebih kepada para pelabur tidak kira besar atau kecil kerana pelabur-pelabur memainkan peranan dalam pembangunan ekonomi.

Akta Penyelarasan Perusahaan (ICA) yang menjadi punca pertikaian hendaklah diubahsuakan untuk membenarkan pelabur-pelabur mematuhi Dasar Ekonomi Baru dalam bentuk insentif dan bukan paksaan menerusi undang-undang yang sehingga kini telah membantut dengan kesannya pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan OBA atau Agensi-agensi di Luar Belanjawan, selain daripada Kerajaan Pusat, Agensi-agensi di Luar Belanjawan merupakan peminjam-peminjam terbesar sekali yang meminjam wang dari luar negeri. Pada hujung 1983, hutang luar kita adalah sebanyak \$30,946 juta dekat \$1 billion. Daripada ini \$22,000 juta dipinjam oleh Kerajaan Pusat dan \$8,340 juta dipinjam oleh Agensi-agensi di Luar Belanjawan (OBA).

Menteri Kewangan telah mengakui dalam ucapannya bahawa perbelanjaan Agensi-agensi di Luar Belanjawan tidak dapat dikurangkan kerana kebanyakan daripada perbelanjaan ini adalah untuk membiayai dan melaksanakan projek-projek yang telah diikat janjinya. Ini harus dipandang berat kerana sementara pinjaman-pinjaman luar serta perbelanjaan Kerajaan Pusat sedang dikurangkan, pinjaman-pinjaman luar oleh OBAs masih berterusan dan ini hendaklah diawasi dan dicegah dengan rapi.

Agensi-agensi di Luar Belanjawan (OBA) telah membelanja \$2.5 billion dalam tahun 1981, perbelanjaannya telah meningkat kepada \$7.2 billion dalam tahun 1984, dan ini merupakan 46% daripada perbelanjaan awam. Bagi tahun 1985 pula, perbelanjaan Agensi-agensi di Luar Belanjawan akan dikurangkan kepada \$5.7 billion. Menteri Kewangan telah mengakui bahawa walaupun agensi-agensi tersebut telah membelanjakan begitu banyak wang namun prestasinya tidaklah mengagumkan, tidak baik.

Laporan Bank Negara untuk tahun 1983 mentafsirkan Agensi-agensi di Luar Belanjawan sebagai, dengan izin, "publicly owned or controlled corporations or enterprises engaged primarily in private sector business". Adalah dianggarkan terdapat lebih 60 Agensi-agensi di Luar Belanjawan dan antaranya yang terkenal ialah PETRONAS, HICOM, MAS, MISC, UDA, Malaysian Highway Authority, Sabah Gas Industries dan beberapa kilang simen dan sekarang termasuk Bank Bumiputra juga satu lagi OBA.

Kesemua ini adalah perusahaan-perusahaan yang berasaskan capital intensive kecuali beberapa seperti PETRONAS, MAS dan kilang-kilang simen yang memperolehi keuntungan dan lain-lain agensi pula mengalami kerugian seperti MISC dan Highway Authority yang membina lebuhraya-lebuhraya yang menjadi buruk dengan cepatnya seperti Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban atau Lebuhraya Kuantan/Segamat.

Tuan Yang di-Pertua, HICOM terlibat dalam pengeluaran kereta Proton Saga dan pembinaan plant besi keluli. Lebih banyak wang akan diperlukan oleh projek-projek tersebut dan memandangkan pengalaman dialami oleh pihak perusahaan-perusahaan kereta dan besi keluli di negara-negara membangun yang lain, soal yang

timbul sekarang ialah sama ada pembiayaan lanjut itu akan bermakna—"good money chasing bad money". Hanya masa sahaja yang akan membuktikan.

Ketua Audit Negara tidak sukacita dengan prestasi Agensi-agensi di Luar Belanjawan dan beliau mahukan agensi-agensi tersebut dikawal dan diawasi dengan baiknya. Terdapat syak wasangka bahawa beberapa daripada agensi-agensi tersebut ditubuhkan atas perkiraan politik dan tidaklah feasible dari segi ekonomi. Semua ini memerlukan jawapan dan Menteri Kewangan tidak memberikan butir-butir yang cukup mengenai pengawal-seliaan ke atas Agensi-agensi di Luar Belanjawan dalam ucapan Belanjawannya.

Saya menyeru Menteri Kewangan menimbangkan serta melaksanakan cadangan yang dikemukakan oleh Ketua Pembangkang merangkap Ahli Parlimen Kota Melaka yang menggesa penubuhan sebuah Jawatankuasa Kira-kira Parlimen mengenai (OBA's) yang akan pada mulanya mengumpul satu laporan yang menyeluruh ke atas Agensi-agensi di Luar Belanjawan yang wujud di peringkat Persekutuan dan Negeri berhubung dengan prestasinya dan sekiranya prestasinya adalah tidak memuaskan ia hendaklah ditutup.

Jawatankuasa tersebut juga akan mengawasi kemajuan dan perbelanjaan Agensi-agensi di Luar Belanjawan. Ini haruslah dilakukan kerana agensi-agensi tersebut membelanjakan begitu banyak wang awam dan rakyat berhak mengetahui sama ada wang mereka dibelanjakan dengan baik dan tidak dibazirkan dalam usaha-usaha yang (dengan izin) reckless.

Tuan Yang di-Pertua, sementara itu Menteri Kewangan hendaklah mengeluarkan satu arahan tegas kepada semua OBAs bahawa

Kementeriannya akan menyelia urusan kewangan mereka dan semua pinjaman masa akan datang hendaklah dinilai dan dikaji oleh Kementeriannya sebelum kelulusan diberi.

Beliau juga hendaklah menegaskan bahawa pinjaman-pinjaman hendaklah setakat yang boleh diperolehi daripada sumber-sumber tempatan kerana kos meminjam dari sumber-sumber asing adalah lebih memandangkan dolar Amerika Syarikat telah bertambah kukuh. Sebenarnya, kos semua pinjaman yang diperolehi dalam bentuk dolar Amerika telah naik 5% lagi berbanding dengan satu tahun dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Nerus.

6.12 ptg.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama membahaskan Anggaran Belanjawan 1985 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di tempoh hari.

Dalam perbahasan ini tentu sekali banyak pendapat-pendapat yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya ikuti bersama dalam perbahasan ini iaitu saya suka mengesyorkan ataupun mencadangkan supaya Kerajaan membalanjakan wang-wang ini kepada apa yang lebih penting. Tentu sekali segala projek-projek Kerajaan semuanya penting tetapi yang lebih penting itulah patut diutamakan seperti perkara-perkara yang lebih penting ialah perkara-perkara yang sangat-sangat dihajati oleh semua rakyat. Bukan separuh-separuh rakyat, ertinya kesemuanya berhajat seperti jalan raya yang kita fikirkan

berkesesakan ramai, seumpama jalan raya daripada Setapak membawa ke Jalan Tanjong Malim yang mana kita dapati dari Kuala Lumpur ini ke Rawang adalah sangat-sangat berkesesakan. Itu patut dibetulkan dan dibesarkan dengan seberapa segera.

Roundabout di hadapan Dewan Bahasa dan Pustaka hendaklah dibetulkan dan disesuaikan dengan seberapa segera, mana-mana sahaja tempat jalan raya yang difikirkan patut dibetulkan dengan seberapa segera dengan kesesakan yang dirasai oleh semua orang maka hendaklah diutamakan. Dan saya mencadangkan supaya Kerajaan mengurangkan sedikit peruntukan kepada sukan kerana sukan bukan dihajati oleh semua orang dan saya rasa sukan adalah suatu peruntukan yang begitu besar juga, sedangkan hasil dan faedahnya tidak begitu banyak kepada negara, lebih-lebih lagi kalau kalah sentiasa. Pasukan Bola kalah, itu kalah, ini kalah. Tak apalah misalnya tahun ini kalah, tahun lepas menang. Barangkali tahun lepas pun kalah juga tak mengapalah kerana tahun sebelum itu kita menang, dengan itu cubitlah peruntukan dari sukan itu diberikan kepada projek-projek yang lebih penting.

Selain daripada itu yang patut dibelanjakan dahulu hospital-hospital kerana hospital-hospital adalah dinamakan perkara-perkara yang dihajati oleh semua orang dan ini adalah suatu yang dinamakan perkhidmatan peri kemanusiaan. Kewajipan Kerajaan terhadap rakyat dalam perkara hospital atau kesihatan itu adalah kewajipan Kerajaan dari segi peri kemanusiaan. Dengan adanya peri kemanusiaan itu maka mustahaklah kepada Kerajaan memberi perhatian yang benar-benar dan memuaskan bagi pihak kesemua rakyat. Kerana yang ada pada hari ini terdapat di hospital-hospital yang saya

tengok sendiri dengan mata kepala saya, orang bersalin, apabila sudah bersalin terpaksa kena duduk di luar bilik, di kaki lima. Ini benar-benar saya tengok kerana tak muat tempat. Berapa di kaki lima buat sementara.

Perkara seumpama ini mustahak dibetulkan dengan serta merta sebab masalah sakit tidak kecuali orang kaya, orang miskin, orang kecil, orang besar kesemua merasai sakit dan berhajat kepada pertolongan yang benar-benar, kesemuanya berhajat.

Oleh yang demikian, patutlah diutamakan. Saya ingin memberi pandangan satu perkara yang agak pandangan ini luar biasa sedikit dan boleh jadi ini kita tidak berapa begitu boleh masuk dalam fikiran ataupun dari segi penerimaan tetapi walau macam manapun rasa saya kalau tidak dapat dilaksanakan sekarang, dilaksanakan dalam masa-masa projek jangka panjang.

Saya bercadang perkara hospital ini sepatut-patutnya dan sebetul-betulnya kerana memandangkan kepada perkhidmatan peri kemanusiaan ini tak usah diadakan kelas hospital-hospital Kerajaan. Jadi tak adalah Kelas Tiga, Kelas Dua dan Kelas Satu kerana sakit tak pilih "kelas". Orang kaya merasai sakit sama dengan rasa sakit orang miskin dan tentang mahu keselisaan serupa dan tentang mahu ubatnya serupa dan mahu layanannya serupa. Ini erti perikemanusiaan. Lainlah kalau umpamanya kata dalam segi cukai, orang kaya kena cukai banyak kerana banyak duit. Tetapi dalam segi sakit tidak memilih taraf manusia. Contoh-contoh ini bolehlah rasa saya kita ikut Saudi Arabia, kerana Saudi Arabia beginilah, dia tidak ada kelas hospitalnya.

Sebagaimana contoh saya sendiri tengok dan pernah bawa masuk orang-orang sakit dalam musim-musim Haji. Saya hendak ceritakan sedikit

sungguhpun pandangan kita tidak adalah hendak pandang ke Arab misalnya. Tidak pernah kita dengar, misalan negara kita satu masa akan pandang ke Arab, tidak pernah. Nanti pandang ke Arab semua orang pakai jubah, susah pula. Tetapi ada benda yang kita boleh ambil. Tentang hospital misalnya, dia tidak ada kelas. Tidak ada kelas satu, kelas dua, kelas tiga. Bagaimana pula orang-orang mahu keselisaan yang lebih yang dia ada duit iaitu diadakan hospital swasta.

Dalam segi keselisaan hospital-hospital ini, keselisaan yang amat sangat pada hal kita tahu bahawa sanya Arab ini kurang dalam segi kebersihannya selama ini tetapi kalau masuk dalam hospitalnya, malu kita. Kalah hospital-hospital kita. Tiap-tiap bilik di hospital Jiad, orang sakit ada air-con dan ada Televisyen, tiap-tiap bilik. Saya bertanya kepada doktor, apakah gunanya Televisyen ini. Kata dia Televisyen ini satu daripada ubat kepada orang sakit, hilang jemu dia. Ada dalam Televisyen gelak ketawa dan sebagainya dan di pasang video khas gelak betawa membawakan dia hilang sakit. Ini kata dia ubat selain daripada ubat yang kita hendak beri pil dan sebagainya, ubat jiwa itulah yang lebih penting sekali, maka itu terjumlah daripada ubat jiwa.

Kembali kepada kelas tadi, maksud saya supaya kita jangan ada kelas hospital dan terpaksa kena adakan doktor-doktor swasta ataupun hospital-hospital swasta, sebab barangkali orang-orang kaya, orang kenamaan dan sebagainya dia tidak hendaklah duduk kecamuk begitu dengan orang ramai. Maka terpaksa dia kena pergi ke hospital swasta, kena bayar sendiri, berapa mahal pun tidak mengapalah, kerana dia duit ada. Tetapi orang-orang kampung duit tidak ada, berhajat kepada rawatan-rawatan yang sempurna dan dalam segi kelas-kelas

ini kadang-kadang mencetus jiwa juga orang-orang sakit.

Misalnya si pulan sakit duduk di kelas tiga, kemudian dia dengar si pulan kawan dia sakit juga, bilik mana—di kelas satu. Terasa hibanya hati, sedangkan di hospital yang sama dia duduk di kelas satu. Maka aku ini anak Kerajaan Malaysia juga, bayar cukai sama macam orang juga tetapi kelas tiga. Maka kelas-kelas ini adalah memecahkan perasaan hati dan menghibakan hati rakyat yang dirawatkan di hospital-hospital. Oleh itu Kerajaan sebelum daripada menjaga projek-projek yang lebih besar jagalah projek hati, sebab projek hati inilah yang boleh mengamankan negara dan dengan sebab tidak jaga projek hati inilah yang boleh menjadikan rusuhan negara, perang dalam negara, benci kepada Kerajaan. Kesemuanya ini daripada tidak bijak menjaga projek hati. Apa erti projek hati? Menjaga perasaan orang. Maka dalam segi hospital tadi amat mustahak kepada menjaga persasan. Ini saya katakan pandangan saya ini agak ganjil sedikit, sebab boleh jadi kata orang, ini saya ikut Sosialis ataupun ikut mana. Dalam soal ikut mana-mana tidak jadi masalah. Yang pentingnya elok atau tidak, itu soalnya. Kerana dalam satu-satu perkara apabila perkara itu bagus dan elok maka tidak kira ikut siapa yang memulainya dan daripada mana tajaannya tidak penting.

Saya suka menyentuh sedikit apa yang disebut oleh Wakil dari Pengkalan Cepa tadi iaitu tentang Kerajaan mengharamkan tentang ayat-ayat Al-Quran ataupun ada tulisan-tulisan nama Allah, nama Nabi Muhammad s.a.w. dalam simbol Parti PAS. Yang sebenarnya dalam soal mengharamkan misalan atau cancel ayat-ayat Al-Quran yang ada ditulis dalam satu-satu parti ataupun satu-satu lambang syarikat-syarikat misalnya berhak Kerajaan cancel sekiranya tidak begitu elok, sebab ini

pada hukum. Pada hukum Al-Quran ini ada masanya boleh kita kerana hendak hormati, ada hukumnya kita boleh haramkan ayat-ayat itu, bukan haram mengamalkan, haram tulisannya.

Seperti misalan kita tengok kereta lembu ada digantung misalannya ataupun ditulis pada kereta lembu itu nama Allah atau nama Muhammad dan sebagainya maka Kerajaan pasti kena haramkan kerana tidak layak kereta lembu itu ditulisnya ayat Al-Quran ataupun ayat Al-Auran itu ditulis tetapi perjalanannya tidak begitu cantik misalan dalam simbul Parti PAS. Dia apabila bersimbul ayat Al-Quran mesti kena elok-elok, bagus-bagus. Kalau perbincangan-perbincangan yang betul-betul Lillah dan betul-betul diredhai oleh Allah s.w.t. Tetapi kalau sekiranya dalam satu-satu pengendalian itu tidak begitu boleh memuliakan taraf kedudukan kemuliaan ayat Allah maka tidak sesuai diletakkan simbul-simbul dengan ayat Allah.

Seperti dalam hukum, dalam segi memelihara ayat Allah ini Al-Quran yang telah lapuk, ataupun Al-Quran sudah lama, buruk, harus dibakar Al-Quran itu—dalam hukum, sebab bukan bakar kerana menghina ayat Allah tetapi bakar untuk menyelamatkan daripada diletak di tempat-tempat yang tidak tentu arah. Begitu juga di dalam letter head, kita tengok ada bersimbul nama Allah ataupun nama Muhammad ataupun ayat-ayat Al-Quran, kerana kertas-kertas ini akan pergi merata-rata, ke bilik air tercampak merata-rata tidak tentu arah, dilangkah dan sebagainya maka itu harus pihak Kerajaan mengharamkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Boleh sambung esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.